



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ANN ROSLY BIN HAMZAH,
GURU SILAT
MENGENAI SENI SILAT LIAN**

**NUR NABILAH BINTI MOHD ZAINI
(2018695412)**

**NURUL SYAZWANI BINTI MARZUKI
(2018634866)**

SEMESTER OKTOBER 2020-FEBRUARI 2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ANN ROSLY BIN HAMZAH,
GURU SILAT
MENGENAI SENI SILAT LIAN**

**NUR NABILAH BINTI MOHD ZAINI
(2018695412)
NURUL SYAZWANI BINTI MARZUKI
(2018634866)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
SEMESTER OKTOBER 2020-FEBRUARI 2021**

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
<i>Abstrak</i>	i
<i>Penghargaan</i>	ii
<i>Senarai Abreviasi</i>	iii
<i>Singkatan Nama</i>	iii
<i>Rujukan Kata</i>	iv
1.0 Biografi Penemubual	
1.1 Biografi Penemubual Pertama	1
1.2 Biografi Penemubual Kedua	2
2.0 Biografi Tokoh	
2.1 Pengenalan Kepada Tokoh	3-4
3.0 Pengenalan Sejarah Lisan	
3.1 Pengenalan kepada Topik	5-6
4.0 Ulasan Literatur	7-10
5.0 Ringkasan	11
6.0 Transkrip Temubual	12-91
7.0 Log Temubual	92-96
8.0 Kesimpulan	97
9.0 Ralat	98
10.0 Glosari	99
11.0 Indeks	100-103
12.0 Rujukan	104-106
13.0 Lampiran	
13.1 Biografi Tokoh	107
13.2 Surat Perjanjian	108
13.3 Senarai Soalan	109-113
13.4 Diari Penyelidikan	114-119
13.5 Lampiran Gambar	120-122

ABSTRAK

Seni bela diri silat merupakan warisan budaya dalam kalangan masyarakat Melayu. Seni ini telah diturunkan dari berabad yang terdahulu bagi memelihara warisan, identiti dan jati diri Orang Melayu. Fokus utama kajian ini tertumpu kepada salah satu jenis silat yang cukup asing didengar dalam kalangan masyarakat Malaysia iaitu Seni Silat Lian. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan dan menggambarkan secara bertulis aksi-aksi lincah yang digunakan dalam mempertahankan diri daripada ancaman dan beribu macam tujuan lain. Menerusi kajian ini, didapati bahawa terdapat pelbagai bahagian pergerakan yang diajari yang dikenali sebagai kaji. Di samping itu, buah pergerakan dan kunci pergerakan bagi menentang pihak lawan turut diperkenalkan. Teknik pergerakan yang diuraikan sedikit sebanyak memberi pemahaman dan membuka mata masyarakat untuk menggunakan teknik pembelaan diri yang betul di samping mengajar masyarakat tentang penggunaannya dalam menghadapi situasi yang tidak dijangka.

Kata kunci: Warisan budaya, Silat, Seni Lian, Seni bela diri, Pergerakan silat

Martial arts is a cultural heritage in the community. This art has been passed down from previous centuries to preserve the heritage and the identity of the Malays. The main focus of this study focuses on one of the types of silat that is rarely heard by Malaysian society which is Art of Silat Lian. This study aims to introduce and describe the agile actions used in defending oneself from threats and thousands of other things. Through this study, it was found that there are various parts of the self defense movement were taught, which called as 'Kaji'. In addition, the 'Buah' of movement and the 'Kunci' of movement to oppose the opponents are also introduced. The movement techniques described a little bit give better understanding and open the eyes of the community on how to use proper self-defense techniques as well as teach the community about its use in facing unexpected situation.

Keyword: Cultural heritage, Silat, Seni Lian, Martial art, Movement in silat

PENGHARGAAN

Pada kesempurnaan ini, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana telah memberi kami kesihatan dari segi sihat tubuh badan dalam menyiapkan sejarah lisan ini dan kami juga ingin mengucapkan jutaan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Encik Jafalizan bin Md. Jali, pensyarah Kursus IMR604 (Dokumentasi Lisan) kerana telah berkorban masa dalam membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada kami menyiapkan projek sejarah lisan ini.

Semasa menjalankan penyelidikan ini, kami menghadapi pelbagai masalah, antaranya dengan krisis kes pandemik Covid-19 yang semakin meningkat, di mana susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat telah mengehadkan perjalanan kami untuk merentas negeri. Namun dengan dorongan ibu bapa, pensyarah dan rakan-rakan, kami dapat menjalankan projek sejarah lisan ini dengan sempurna.

Sekalung penghargaan diberikan kepada tokoh kami iaitu Encik Ann Rosly bin Hamzah, merupakan seorang guru silat selama 30 tahun yang berpengalaman kerana sanggup untuk di temu ramah untuk membantu kami dalam menjalankan projek ini. Kerjasama dari pihak tokoh amat kami hargai.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada ibu dan bapa kami yang tidak putus-putus memberi sokongan sama ada dari segi moral dan juga kewangan. Dengan kerjasama semua pihak, maka kami dapat menyiapkan kajian lapangan ini dengan sepenuhnya.

Sekian, kami ucapkan terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
PATI	PENDATANG ASING TANPA IZIN
SDN BHD	SENDIRIAN BERHAD
DJ	DISC JOCKEY (JURUHEBAH)

SINGKATAN NAMA


SINGKATAN	NAMA PENUH
ARH	ANN ROSLY BIN HAMZAH
NSM	NURUL SYAZWANI BINTI MARZUKI
NMZ	NUR NABILAH BINTI MOHD ZAINI

RUJUKAN KATA

Singkatan	Maksud
Nak	Hendak
Tak	Tidak
Je	Sahaja
Kat	Dekat
Dah	Sudah
Ni	Ini
Pastu	Selepas itu
Sikit	Sedikit
Sorang	Seorang

1.0 BIOGRAFI PENEMUBUAL

1.1 Biografi Penemubual Pertama



Nama	Nurul Syazwani Binti Marzuki
Tarikh Lahir	08 Januari 1998
Tempat Lahir	Kota Bharu, Kelantan
Alamat	
Emel	waniemarzuki98@gmail.com
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat Pengurusan Rekod (IM 246)

1.2 Biografi Penemubual Kedua



Nama	Nur Nabilah binti Mohd Zaini
Tarikh Lahir	11 Oktober 1999
Tempat Lahir	Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Alamat	
Emel	nblhzaini11@gmail.com
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat Pengurusan Rekod (IM 246)

2.0 BIOGRAFI TOKOH

2.1 Pengenalan kepada Tokoh



Proses pemilihan tokoh dijalankan dengan membuat pemilihan dua tokoh daripada berlainan daerah di Terengganu. Walaupun kedua-dua tokoh adalah dari bidang yang sama, iaitu mengajar seni pertahanan diri silat, namun begitu, hanya seorang sahaja yang dipilih untuk ditemubual. Hal ini kerana, pemilihan ini berdasarkan kelengkapan kriteria tokoh iaitu tempoh dan tahun pengalaman tokoh berkecimpung dalam silat, pencapaian dan sumbangan tokoh dalam bidang seni pertahanan diri ini. Selain daripada itu, faktor- faktor yang menguatkan lagi dalam pemilihan tokoh ini adalah disebabkan bahan bukti yang ditunjukkan di mana tokoh yang dipilih mempunyai banyak koleksi seperti susur galur, gambar-gambar lama dan busana silat sebagai bukti dunia persilatan. Tokoh yang dipilih juga mempunyai

banyak pengalaman dan sejarah dalam bidang ini kerana beliau banyak merantau di negeri-negeri Malaysia. Oleh itu, pemilihan tokoh ini adalah salah satu langkah yang bernas dan tepat kerana tokoh yang dipilih daripada dua orang tokoh ini cukup memenuhi kriteria seorang individu yang boleh memberi maklumat yang tepat, padat dan panjang mengenai seni pertahanan diri silat ini.

Tokoh yang dipilih dalam sesi temubual ini ialah Encik Ann Rosly bin Hamzah, yang dikenali mesra sebagai Pok Itam di kalangan masyarakat sekitar beliau. Beliau merupakan seorang aktivis yang cukup terkenal dan disegani dalam kalangan pengamal silat aliran buah pukul. Beliau juga merupakan seorang guru silat yang meneraju Seni Silat Gerak Lima Malaysia (G5). Seni Silat G5 ini ditubuhkan melalui percampuran antara tiga jenis silat iaitu Silat Lian atau Silat Buah Pukul, Silat Pongok dan Silat Gayung. Beliau mula berminat dalam seni silat ini sejak dibangku sekolah rendah lagi pada tahun 60an. Beliau telah berguru dengan banyak Tok Guru di setiap negeri yang beliau menetap di antaranya arwah Tok Penghulu Muda Dungun, arwah datuknya sendiri, Pok Ngoh Ali Tanjung, bapa saudaranya Ayah Cik Mat D.O, Pok Anjang Ibrahim dan lain-lain lagi. Beliau tidak hanya fokus pada satu aliran tetapi pelbagai aliran seni silat yang dipelajarinya.

Kelebihan beliau ialah beliau sangat berpengalaman dalam seni ini dan mempunyai banyak pengalaman lebih daripada tokoh yang lain. Hal ini dapat disokong dengan penganugerahan gelaran guru silat oleh Menteri Besar Terengganu dan Persatuan Silat Daerah Kemaman (Persik). Beliau yang berpengalaman lebih 30 tahun dalam bidang ini mampu berkongsi informasi berkaitan dengan warisan budaya ini dengan tepat dan lancar. Tambahan pula, sikap Encik Ann Rosly bin Hamzah yang mesra dan peramah ini dapat membantu proses penyelidikan kerana terdapat banyak maklumat yang boleh disampaikan. Di samping itu, beliau juga aktif di sosial media menunjukkan beliau sangat berpengetahuan dalam perkembangan semasa dan layak ditemuramah. Beliau juga sangat aktif dalam bidang seni pertahanan diri ini di mana beliau banyak mengikuti dan menyertai aktiviti-aktiviti dan persembahan yang dianjurkan oleh pihak ketiga.

3.0 PENGENALAN SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan Kepada Topik

Menurut Kamus Dewan, tipu daya atau muslihat memberi maksud sebagai elak atau ilat yang merupakan loghat dari sebelah utara Malaysia Barat. Namun menurut Dr. Tengku Iskandar, Kamus Dewan (DBP 1984), mengatakan perkataan silat berasal gabungan perkataan daripada, ‘si ilat’ atau ‘si elat’ yang memberi maksud tersendiri iaitu orang yang pandai tipu muslihat.

Silat didefinisikan sebagai sejenis seni bela diri yang menggunakan kemahiran dan ilmu mempertahankan diri yang melibatkan penggunaan senjata ataupun tangan kosong. Antara senjata yang digunakan dalam dunia persilatan ialah kerambit, pisau, kayu, parang atau golok. (Muhammad Izzat, 2014).

Menurut Tuan Ismail Tuan Soh (1991) pula, seni Silat Melayu diklasifikasikan sebagai ilmu mempertahankan diri yang telah sinonim dengan kepunyaan dan diri Orang Melayu. Silat ini bukan sahaja mempertengahan unsur persilatan malah ia lebih mengutamakan aspek seni dan adab. Orang Melayu yang merupakan elemen penting yang tidak boleh dicerakinkan. (Tuan Ismail Tuan Soh, 1991).

Menurut Wartawan MyKota (2019), dunia silat mula tersebar sepanjang Nusantara sejak abad 7 Masihi dan ada sesetengah individu menganggarkan bahawa usia seni silat ini telah mencapai sehingga beratus-ratus tahun dahulu. Di mana, ia merupakan seni yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Hal ini demikian, menurut Nora Aniza (2011) hampir semua orang pada zaman dahulu mengamalkan silat, namun hanya yang dikatakan benar-benar mahir dalam seni persilatan mampu digelar pendekar. Keutuhan dan semangat hemah tinggi juga memainkan peranan penting dalam mencapai tahap seorang pendekar.

Pencak Silat dengan Silat atau dipanggil Silat Melayu adalah sesuatu yang berbeza, dimana Silat adalah berasal dari Malaysia dan menggunakan falsafah pendidikan silat yang berasaskan kerohanian Islam, manakala Pencak Silat pula berasal dari Indonesia yang menggunakan falsafah Pencak Silat yang tak semestinya berasaskan Islam. (Imran Azmi, 2007)

Di dalam konteks, Nora Aniza juga mengatakan bahawa seni silat ini terbahagi kepada dua jenis asas penting iaitu seni bunga dan seni buah, di mana seni bunga yang dimaksudkan adalah pergerakan yang lemah lembut yang merupakan muslihat untuk menggelirukan pihak lawan, walhal seni buah pula merupakan gerak tari atau langkah yang lebih keras untuk mengalahkan pihak lawan. Muhammad Izzat pula mengatakan bahawa silat Melayu terbahagi kepada dua iaitu silat pulut dan silat buah pukul atau dikenali seni tempur. Silat pulut ini lebih atau biasanya dipersembahkan di upacara atau istiadat, sebagai contoh majlis perkahwinan ataupun program anjuran negeri Silat buah pukul atau lebih dikenali sebagai seni tempur ini lebih cenderung untuk disembunyikan dari tatapan orang ramai untuk menjaga kesenian dan muslihat permainan.

Pada zaman ini perguruan silat telah wujud bermacam-macam jenis silat. Bagi setiap jenis silat di negara ini mempunyai teknik dan caranya yang tersendiri. Jenis-jenis silat yang ada juga dikatakan telah direkodkan kepada 360 jenis perguruan silat yang diamalkan dan mempunyai pengikut di Malaysia pada masa kini. Antaranya ialah yang popular dan sering didengari masyarakat ialah silat Cekak Hanafi, Cekak Harimau, Gayong, Tongkat, Buah Pulut, Pencak, Gerak Kilat dan banyak lagi. (Naim Osman, 2015). Namun begitu, Naim Osman juga mengatakan bahawa masih banyak lagi jenis silat yang masih diamalkan dan kini mula berkembang ke semenanjung, antaranya ialah Pahang, Johor, Terengganu, Kelantan, Selangor, Melaka dan Perak serta di kepulauan borneo iaitu Sabah dan Sarawak.

4.0 ULASAN LITERATUR

4.1 Pengenalan kepada Topik

Seni pertahanan diri silat atau dikenali juga sebagai pencak silat merupakan salah satu seni pertahanan diri yang popular di Malaysia terutamanya bagi kaum Melayu. Menurut Tuan Ismail Tuan Soh (1991), silat adalah perlambangan kepada jati diri orang Melayu. Seni pertahanan diri silat ini tidak lagi asing bagi masyarakat Malaysia dan negara-negara jiran seperti Indonesia, Brunei dan lain-lain di mana silat ini telah mencipta nama sejajar dengan seni pertahanan diri terkenal yang lain seperti Taekwondo, Kung fu, Karate dan lain-lain lagi. Bukan itu sahaja, seni pertahanan diri silat ini juga telah berjaya membawa nama negara Malaysia ke persada dunia dan sering kali terlihat tersiar di dada-dada akhbar, televisyen, radio dan media siaran yang lain. Menurut Mariah Ahmad (2015), pada 18 September 2015, seni pertahanan diri silat ini telah mendapat pengiktirafan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Keenam iaitu Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai seni mempertahankan diri rasmi Negara. Oleh itu, bagi mengelakkan seni pertahanan diri ini daripada lupus ditelan dek zaman, pihak berwajib telah mengambil pelbagai inisiatif bagi mengekalkan warisan seni pertahanan diri ini seperti memperluaskannya dan menjadikannya sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di institusi pengajian tinggi supaya dapat melahirkan generasi pelapis seterusnya dalam bidang ini. Bagi mengetahui sejarah seni pertahanan diri silat dengan lebih mendalam, tinjauan literatur akan dibuat berasaskan bahan bacaan berbentuk artikel di laman web.

Berdasarkan kajian Mohamad Nizam (2016), didapati bahawa silat dan pencak silat adalah dua seni pertahanan diri yang sama tetapi menggunakan kaedah yang berbeza. Pencak silat secara aslinya berasal dari Indonesia manakala silat secara berasal dari Malaysia. Perbezaannya dapat dilihat dari segi gerakan di mana silat lebih dicipta berdasarkan garisan geometri dan gerakan anatomi manusia, Anuar (1992), manakala menurut Maryono (2000), gerakan dan gaya pencak silat dicipta berdasarkan gerakan haiwan seperti ular, harimau dan lain-lain. Menurut Prof Dr Supyan Hussin (2017), seni pertahanan diri silat mempunyai kaitan dengan Akal Budi Melayu. Akal Budi Melayu adalah salah satu aspek yang dilambangkan dalam seni pertahanan diri silat di mana ia menunjukkan cerminan pemikiran, perlakuan, falsafah, gaya hidup dan emosi masyarakat Melayu. Pembinaan Akal Budi Melayu dipengaruhi oleh lima elemen yang boleh dikatakan penting di mana setiap elemen mengandungi nilai yang tersendiri. Ia membuatkan mereka saling melengkapi. Terbentuk dari

hasil gabungan daripada pelbagai aspek seperti mental, spiritual, emosi, fizikal, dan sosial, seni pertahanan diri silat mempunyai asas ilmunya yang tersendiri dan aspek-aspeknya perlu dipelajari dengan lebih mendalam dan diulas secara ilmiah agar ilmu seni pertahanan diri silat dapat diteruskan oleh generasi seterusnya dan kekal bernilai di masa hadapan. Menurut penulis yang sama, seni pertahanan diri silat dianggap sebagai alat atau senjata fizikal dalam membela, mempertahankan dan melindungi diri dari sesuatu ancaman. Aksi melindungi diri ini sudah menjadi suatu fitrah atau tabii pada masyarakat dan termasuk juga dengan haiwan sama ada binatang buas atau jinak. Hal ini demikian kerana, mempertahankan diri adalah sesuatu refleksi spontan apabila berada dalam gangguan, serangan dan ancaman bahaya.

Sehingga sekarang, sejarah mengenai asal usul seni pertahanan diri silat seperti tempat seni bela diri ini bermula, siapa pencetusnya, dan lain-lain lagi masih tidak terjawab dan kekal misteri kerana tiada bukti yang cukup sah. Ini demikian kerana, seni pertahanan diri silat ini dipercayai telah diamalkan sejak berusia ribuan tahun terdahulu jadi bukti-bukti tarikh kewujudan susah dikesan. Jadi setiap orang mempunyai pandangan berbeza tentang asal usul seni pertahanan diri ini. Menurut sumber dalam laman web rasmi Pencak Silat Sri Gayong (2020), dipercayai bahawa seni pertahanan diri silat atau lebih dikenali sebagai Silat Melayu telah dibawa dari benua Arab oleh amalan Sufi Islam. Seni bela diri ini dipercayai dibawa oleh serombongan tokoh-tokoh tetapi hanya dua tokoh utama dikenali oleh khalayak ramai. Dua orang yang dikenali itu ialah sahabat Rasulullah S.A.W dan Ketua Panglima Besar Islam. Rombongan ke Tanah Melayu ini dikatakan telah melalui dua jalan dua jalan utama dunia perdagangan antara Dua Benua. Benua pertama ialah Benua Timur Tengah dan yang kedua ialah Benua Asia. Menurut Abd. Rahman Ismail (2005), bagi kerajaan-kerajaan seperti Kerajaan Langkasuka, Srivijaya, Melaka, Champa, Beruas, Majapahit, Pattani dan kerajaan-kerajaan Asia Tenggara yang lain, seni pertahanan diri silat ini dianggap sebagai sistem pertahanan bagi rakyat mereka. Oleh hal demikian, sebarang penuntutan terhadap seni bela diri ini sebagai hak milik warisan sesebuah negara tidak dibenarkan kerana asal usulnya tidak diketahui dan sejarahnya berkaitan dengan seluruh Nusantara. Walaupun kekurangan bukti yang kukuh, namun masih ada bukti yang tersisa yang dapat menjelaskan asal-usul silat. Penemuan sesuatu di Candi Prambanan dan Candi Borobudur di Jawa telah menjadi bukti peninggalan sejarah. Bukti yang dikatakan adalah sebilah keris tembaga dan lukisan. Hal ini dapat membuktikan dan mengukuhkan lagi teori kewujudan seni pertahanan diri di kepulauan Melayu iaitu pada abad ke-8 Masihi.

Seni pertahanan diri silat berbeza dengan seni pertahanan diri yang lain di mana ia banyak menggunakan pergerakan yang hanya dipanggil oleh dua nama, iaitu buah dan bunga pergerakan. Menurut Hafez (2012), bunga silat melibatkan seni tarian yang tampak lembut namun tetap gagah disebabkan oleh susunan kekuda yang kukuh. Bunga pergerakan ini biasanya digunakan untuk mengelirukan pihak lawan kerana dianggap lembut namun ia berbisa. Menurut Samsul Ariffin (2019), gerak-gerak bunga silat disusun dan melahirkan pergerakan buah silat. Menurut laman web blog Asal Silat (2015), buah silat juga dipanggil sebagai buah pukul. Buah silat ialah terbentuk dari susunan langkah. Ia digunakan untuk menyambut dan menepis serangan daripada pihak lawan sehingga mereka dikalahkan dalam satu aturan gerakan.

Menurut Naim Osman (2015), terdapat ratusan jenis silat dan aliran yang diamalkan di Malaysia di mana setiap negeri ada yang tidak mengamalkan jenis silat yang sama di negeri lain. Malah ada tok guru silat yang mengamalkan lebih daripada satu jenis silat. Di Malaysia, masyarakat hanya mengenali beberapa jenis silat Seni Silat Cekak, Seni Silat Harimau, Seni Silat Langkah, dan Seni Silat Gayong. Jenis silat ini cukup terkenal di Malaysia. Namun begitu terdapat juga seni silat yang lain yang sama penting di Malaysia ini, contohnya, Seni Silat Lian. Menurut Khairul Azizi (2016), Seni Silat Lian yang juga diberi nama sebagai Silat Buah Pukul atau Buah Pukul Mersing, Silat Gayang Lima dan Lian Padukan adalah berasal dari China, lebih tepat lagi Yunnan. Pada abad ke-18, silat ini dibawa ke Singapura oleh Syed Abdul Rahman Yunani yang berketurunan pengasas sebenar Silat Buah Pukul, Saidina Semaun Al-Radzi. Menurut Lokman Yusoff (2012), seni silat ini bermula di Mersing, Johor setelah Sultan Ibrahim menitahkan Datuk Awang bin Ali, yang lebih dikenali sebagai Awang Daik dan Pak Long Muhammad Yasin Yunus belajar dengan Syed Abdul Rahman Yunani di sana kerana Stamford Raffles tidak membenarkan segala seni pertahanan diri diajarkan di Singapura. Semenjak itu, Seni Silat ini juga dikenali sebagai Buah Pukul Mersing.

Kini, seni pertahanan diri silat masih lagi dipandang tinggi oleh masyarakat lagi-lagi ia melambangkan kekuatan orang Melayu. Namun, masih terdapat sebahagian masyarakat yang memandang serong tentang seni pertahanan diri silat ini sehingga mengkaitkannya dengan unsur khurafat dan amalan-amalan lain yang tidak baik. Berdasarkan penulis tesis “Deathscapes of Malay Martial Artist” iaitu Douglass (2005), beliau menceritakan tentang unsur-unsur yang tidak baik ini dalam dunia persilatan. Beliau juga menyentuh mengenai

kehidupan dan kematian dan turut menyentuh mengenai amalan- amalan buruk yang dipraktikkan dalam dunia persilatan. Beliau juga mengaitkan peralatan yang digunakan untuk bersilat mempunyai unsur mistik dan spiritual. Namun begitu, penulis Ali Majod (2012) menegah bahawa peralatan bersilat yang digunakan mempunyai unsur mistik seperti rahsia kain putih. Beliau mengatakan bahawa kain itu tidak membawa unsur khurafat kerana ia merupakan simbolik niat yang suci sebelum mempelajari ilmu silat di mana ahli- ahli silat diarahkan untuk duduk di atas kain tersebut ketika membaca ikrar prinsip silat. Walau bagaimanapun, setiap orang mempunyai pandangan yang berbeza tentang perkara ini. Menurut Muallij Azeri (2019), ia tidak dinafikan lagi bahawa terdapat juga seni pertahanan diri silat yang melanggar syariat Islam sehingga dikaitkan dengan unsur dan amalan syirik dan khurafat. Namun begitu, perkara ini sedikit sebanyak dapat ditangani atas usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan iaitu pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

5.0 RINGKASAN

Temubual berkaitan Seni Silat Lian yang dijalankan adalah bertujuan untuk menghurai secara lebih terperinci mengenai gerak dan jenis langkah yang digunakan dalam seni silat ini berserta dengan tahap-tahap yang perlu ditempuhi dan dikuasai semasa tempoh pembelajaran seni bela diri ini. Kajian ini juga bertujuan untuk merungkai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pesilat sekaligus memberi idea bagi mengatasi cabaran berikut. Kaedah kajian yang dilakukan adalah kaedah temubual dimana satu set soalan yang mengandungi tiga struktur bahagian disediakan. Tiga struktur soalan itu termasuklah soalan berbentuk orientasi yang secara primernya berkenaan dengan biografi tokoh dan latar belakang sosial beliau, soalan asas iaitu berkaitan dengan pendapat tokoh atas topik yang diajukan dimana hasil temubual akan dibandingkan dengan informasi daripada sumber yang lain, dan yang terakhir adalah soalan spesifik iaitu merangkumi perihal terperinci mengenai topik dimana respons diberikan selalunya berkait dengan pengalaman tokoh. Soalan berstruktur digunakan supaya proses temubual dapat berjalan dengan lebih lancar kerana soalan tersusun daripada tahap kesukaran iaitu bermula dari soalan yang mudah dan santai dan berakhir dengan soalan yang memerlukan proses berfikir dengan lebih banyak. Kajian mengenai seni bela diri silat secara menyeluruh ini bukanlah pertama kali dikaji. Tetapi, kajian mengenai Seni Silat Lian adalah yang pertama dikaji di Malaysia. Oleh itu, hasil kajian yang diperolehi adalah daripada penyelidikan ini adalah merupakan sumber informasi yang baharu dan diharapkan dapat menjadi bahan rujukan pada masa hadapan. Seterusnya, terdapat beberapa ralat yang berlaku di dalam penyelidikan ini dimana ia menyukarkan proses transkripsi kerana memerlukan perhatian yang lebih bagi menghasilkan transkrip yang betul. Secara tuntasnya, penyelidikan ini telah memberi banyak informasi dan ilmu pengetahuan yang baharu kepada masyarakat mengenai warisan budaya turun-temurun iaitu Seni Silat Lian. Silat ini bukan sahaja bertindak sebagai alat untuk melindungi daripada ancaman namun ia juga melambangkan jati diri orang Melayu.

6.0 TRANKSRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai sejarah dan pengalaman silat seorang tokoh dalam bidang seni mempertahankan diri iaitu Silat Lian. Bersama-sama kami ialah Encik Ann Rosly bin Hamzah yang merupakan seorang guru silat di Kemaman, Terengganu. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 Disember 2020 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 2.00 petang bertempat di tempat kediaman tokoh iaitu di Taman Suteramas, Kemaman, Terengganu. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Nabilah binti Mohd Zaini dan Nurul Syazwani binti Marzuki. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NSM: Bolehkah Pok Itam [Nama panggilan tokoh] terangkan pasal [tentang] latar belakang Pok Itam?

ARH: Nama?

NSM: A'ah. (mengangguk mengiyakan)

ARH: Ok [Okey], ni [ini] serba ringkas.

NMZ: A'ah takpe [tidak mengapa].

ARH: Pok Itam ini, kira lahir pada tahun lima puluh lapan [1958], tapi usianya sekarang enam puluh dua tahun.

NSM: Okey. (mengangguk memahami)

ARH: Anak yang pertama daripada keluarga yang pertama. Hmm sekolah pun tak [tidak] tinggi, sampai tingkatan tiga. Waktu tu [itu] tidak silap tahun tujuh puluh tiga [1973], tingkatan tiga. Pahtu [Selepas itu], selepas tamat sekolah, kita macam kerja kampung-- sambil-sambil kita belajar silat.

NSM & NMZ: A'ah. (mengangguk memahami)

ARH: Okey. Mengikut arus kehidupan masa itu, di mana ada orang kata kije [kerja] dan di situ lah kesempatan kita cari guru-guru yang mengajar silat.

NMZ: Oh. (mengangguk memahami)

ARH: Jadi kita ni takde [tiada] pelajaran tinggi, cuma minat mendalam tentang silat. Walaupun tak cara [secara] formal, walaupun se- setengah jam sekali pun jumpa guru, memadai dah.

(mencelah)

NMZ: Oh.

NSM: A'ah, betul.

ARH: Hmm, macam itu lah. Jadi tahun tujuh puluh enam [1976], tidak silap bulan enam, berlayar ke Mersing [Sebuah daerah di Johor].

NMZ: Ke Mersing? Oh.

ARH: Ke Mersing (mengangguk mengiyakan). Jadi ini serba ringkas cerita.

NMZ: A'ah. (mengangguk memahami)

ARH: Selepas itu, cebur diri dalam bidang Seni Lian lah ketika tu kat [berada di] Mersing. Jadi di Mersing, zaman tahun 1976 itu, ramai guru-guru tua yang berkecimpung sebagai guru untuk mengajar Lian. Jadi kita waktu itu boleh pilih, di mana kita hendak pergi. Jadi, yang mana terbaik bagi kita, kita terima je [sahaja], waktu tu belajar Lian. Jadi, di mana-- Pok Itam belajar Lian itu selama lebih kurang dalam lapan tahun lah, lapan tahun. Tak la [bukan lah] tiap-tiap hari. Kita dari seorang guru ke seorang guru, berbilang bilang guru- [pelbagai guru].

(bunyi latar belakang isteri tokoh datang menghidangkan keropok lekor dan minuman kepada kami dan ucapan terima kasih daripada kami).

ARH: Jadi kita pun tamat perkhidmatan di Mersing masa itu, kerja pejabat Daerah Mersing lah. Pejabat Daerah Mersing tahun lapan puluh hingga tahun lapan puluh lima [1985].

NMZ: A'ah, 1985?

ARH: A'ah (mengiyakan). Pahtu [Selepas itu] kita bawa diri balik, berhenti, ke Kemaman. Kemaman, masa itu tahun 1985, kerja pun memang payah [susah] sebab persaingan kita dengan pendatang asing, PATI [Pendatang

Asing Tanpa Izin]. Jadi, kita pun terpaksa orang kata cari- macam-- tidak duduk kat [di] kampung, cari di luar Kemaman tu, sampai Kuantan, duduk [menetap] di Kuantan lah. Pastu, [Selepas itu] mula mengajar di Cheneh dulu lah.

NMZ: Cheneh, oh. Maksudnya Pok Itam asalnya daripada mana?

ARH: Asal daripada Kuala Terengganu.

NSM: Hmm. (mengangguk memahami)

NMZ: Kuala Terengganu.

ARH: Kampung Tanjung, Kuala Terengganu.

NSM: A'ah. (mengangguk)

NMZ: Kampung Tanjung.

ARH: Tempat lahir lah.

NSM & NMZ: A'ah. (mengangguk)

ARH: Lepas tu [Selepas itu] disekolah [disekolahkan], dibesarkan di Dungun.

NSM & NMZ: Oh, besar [dibesarkan di] Dungun.

ARH: Ha (mengiyakan). Selepas itu bila *start* [mula] kerja di Kemaman lah. Di Du-- di Terengganu pun jaya raya. Maknanya, kita ada-- di Dungun kita besar.

NMZ: Banyak. Oh, okey, di Dungun.

NSM: Selepas itu, kita nak [hendak] tahu pasal latar belakang ibu Pok Itam-- ibu bapa Pok Itam.

ARH: Okey. Ibu asalnya orang (berdehem) orang tanjung itu lah, Tanjung Terengganu. Anak sulung dari keluarga ibu ada dalam enam [Bilangan orang] adik beradik. Mak yang pertama, perempuan itu lah. Selepas itu, masih ada lagi sekarang Ini tapi dia kena strok.

NMZ: Kena strok. Umur dia berapa?

ARH: Umur (cuba mengingati), enam puluh dua campur sembilan belas berapa?

NSM & NMZ: Enam puluh dua campur sembilan belas?

ARH: Enam puluh dua campur sembilan- apa?

NSM: Lapan puluh satu?

ARH: A'ah lapan puluh satu.

NMZ: Oh, lapan puluh satu.

NSM: Nama ibu?

ARH: nama dia dua.

NMZ: Hasmah, Fatimah?

NSM: Oh.

ARH: Ha (mengiyakan),

NSM: Kalau nama bapa?

ARH: Hamzah bin Mohd Yusof. Hamzah Mohd Yusof. Dia dah meninggal dah.

NMZ: Oh, meninggal dah.

NSM: Adakah salah seorang daripada mereka itu terlibat daripada seni silat ini?

ARH: Daripada mereka itu, daripada ayah?

NSM: A'ah, daripada ayah.

ARH: Ayah ini dia cuma minat. Minat dia lebih kurang saya juga, suka belajar.
Tapi, yang terlibat saya lah, secara langsung. Yang lain- lain tiada.

NMZ: Oh, okey.

NSM: Selepas itu, hendak tanya pasal [tentang] latar belakang keluarga Pok Itam ni, isteri ngan [dengan] anak-anak Pok Itam.

ARH: Hmm hmm

NMZ: Boleh ke? (ketawa kecil)

ARH: Okey, kalau tentang keluarga-- Cerita doh [sudah] baru ini dok? [bukan?]

NSM & NMZ: A'ah. (mengangguk bersetuju)

ARH: Perlu kita [Ganti nama diri untuk saya] kabo [menceritakan tentang] lima-lima [Merujuk kepada bilangan isteri tokoh] itu? Dok [Tidak] perlu bukan?

NSM & NMZ: Tidak mengapa, tidak perlu.

ARH: Okey. Maknanya, Pok Itam Ini kahwin dengan isteri yang orang Johor. Orang Johor, orang Batu Pahat, tapi dibesarkan di Kota Tinggi. Selepas itu, menetap di Kemaman ni tahun 1985 lah. Mula kahwin ngan [dengan] dia lah 1985.

NMZ: Oh. Lama. A'ah.

ARH: Sampai setakat ini, jadi anak tu lebih kurang nang [enam] orang (ketawa), paling kurang anak enam orang, enam orang lah.

NSM & NMZ: A'ah. Selepas itu?

ARH: Enam orang yang-- empat lelaki dua perempuan, yang daripada empat lelaki itu, yang dua [dua orang] ijazah, pompuang [perempuan] satu [seorang], lelaki seorang. Selepas itu, seorang diploma- eh dua orang diploma, seorang itu masih— eh tiga [tiga orang] diploma, seorang masih lagi di sekolah vokay [vokasional].

(mencelah)

NMZ: Belajar lagi?

ARH: Dia hendak pergi pun covid [Sejenis virus] tidak pulih lagi.

NSM & NMZ: A'ah betul betul. (mengiyakan)

NSM: Apa nama isteri Pok Itam? Dia kerja apa?

ARH: Sorang [Seorang] sahaja kan?

NMZ: A'ah tidak mengapa seorang.

ARH: (ketawa kecil).

NMZ: Tidak mengapa. (ketawa kecil)

ARH: Nama dia Nur Hashimah binti Ismail.

NSM: Dia kerja apa sekarang?

ARH: Dia tidak ada kerja apa-apa. Suri rumah. Selepas itu, sambil-sambil buat nasi lemak hantar kedai mak dia.

NSM: Adakah isteri atau anak-anak Pok Itam ini terlibat dalam seni silat?

ARH: Dia, kalau kira dia memang minat tapi kerja luar jauh tapi waktu kita jumpa itu waktu *free* [waktu lapang] macam hari raya. Ada apa-apa masalah itu sahaja. Tidak ada cara formal [cara formal untuk berjumpa] sangat. Tidak ada.

NMZ: Tidak ada? Cuma belajar biasa-biasa.

ARH: Belajar dari itu sahaja.

NSM & NMZ: Oh, okey.

ARH: Tapi bukan semua, ada dua tiga orang yang tak nak [tidak mahu] itu. Buat hal masing-masing lah.

NMZ: Ah, tidak sama.

ARH: A'ah, tidak sama.

NMZ: Okey, selepas itu— aih jap [sekejap]. Boleh hendak dekatkan sikit [sedikit], takut tak dengar (ketawa).

ARH: Dekat?

NMZ: A'ah dekat.

ARH: Boleh.

NMZ: Boleh? Okey, selepas itu hendak tanya tentang pengalaman Pok Itam lah sepanjang menyertai-- apa ni-- seni silat. Bila- Pok Itam mula silat ini?

ARH: (Batuk).

NSM: Mula berminat.

NMZ: A'ah. Mula berminat.

ARH: (Batuk). Ini kalau kira berminat dari zaman sekolah. Sekolah rendah lagi.

NMZ: Zaman sekolah? Oh, sekolah rendah.

NSM: Macam mana Pok Itam boleh berminat?

ARH: Oh, kk [okey]. Masa itu ayah kita dia belajar dengan seorang tok guru muda mula [dahulu]. Dia baik dengan tok guru. Kawan pok ye [Mereka berkawan]. Jadi, waktu yang sama ini kita pun ikut. Kalau kita ikut itu, kita jadi automatik minat. Jadi minat itu mula lah kita cuba mencebur diri dalam, apa orang panggil, Gayung Pulut [Sejenis silat].

NMZ: Gayung pulut. Oh.

ARH: Ha (mengiyakan), Gayung Pulut.

NMZ: Jenis silat ke itu?

ARH: Ha (mengiyakan), jenis silat.

NMZ: Oh, jenis silat.

ARH: Di waktu ini, waktu itu kita masih tidak tahu lagi pasal silat, tapi sebab bermulanya.

(mencelah)

NMZ: Bermula dari sekolah rendah.

ARH: Selepas itu, minat yang mendalam, ikut lah kawan-kawan, mula-mula kawan-kawan ajak pergi tengok gelanggang Tomoi, kita pun pergi juga. Sekarang orang luar panggil Boxing Siam.

NSM: A'ah.

NMZ: Boxing Siam. (ketawa kecil)

ARH: Belajar juga, selepas itu ada lagi orang ajak pergi orang main tongkat, main kayu, kita pun belajar sekejap. Jadi minat-, jadi begitu lah, dari situ lah, sampai lah usia begini tidak mahu belajar dah, tapi cuma mengajar. Cukup lah kita dah daripada muda kita belajar.

(mencelah)

NMZ: Ya belajar.

ARH: Bila tua kita mengajar.

NSM: A'ah.

NMZ: Betul betul. Selepas itu, ingat lagi tidak tahun mula belajar silat?

ARH: Saya rasa tahun itu, saya dah forward-- ada tidak baca yang saya punya-

(mencelah)

NSM: Facebook ke?

ARH: Ha, ya ya, ha itu lah.

NSM: A'ah. Facebook.

ARH: Saya tidak mahu ulang takut silap.

NMZ: A'ah, takut silap. Okey.

ARH: Yang itu dari—kita boleh ambik dalam Facebook lah.

NMZ: A'ah, boleh boleh. Nanti kitorang [kami] tu [ambil]. Di mana mula belajar itu?

ARH: Okey, saya mula belajar silat ini di Dungun.

NMZ: Di Dungun. (mengulang balik percakapan tokoh)

ARH: Lepas habis di Dungun, saya belajar di Terengganu, dengan arwah Tok Ki [Salah seorang guru silat]. Di Dungun itu saya belajar Silat Lok. Nama silat itu dia panggil Kacang Junjung. Nama silat itu Kacang Junjung. Selepas itu, saya belajar pula satu aliran lagi seni, Seni Silat Pongok, tapi nama Pongok lah Pongok. Silat Pongok lah panggil tapi ini tidak ada tari, dia cuma buah sahaja.

NMZ: Ah, buah sahaja okey.

ARH: Tapi lama juga lah berkecimpung dengan arwah Tok Ki itu mengajar saya. Selepas itu-- ha itu lah sampai ke di Mersing.

NMZ: Sampai ke di Mersing.

ARH: 1976 lah.

NMZ: 1976. (memahami)

ARH: Di Mersing itu saya berganti guru lah.

NSM & NMZ: A'ah. (memahami)

ARH: Selepas Mersing, pergi Rompin. [Salah satu daerah di Pahang]

NMZ: Pergi Rompin. Banyak tukar tempat.

ARH: A'ah. (mengiyakan)

NMZ: Selepas itu, hendak tanya, siapa rakan perjuangan- seperjuangan yang selalu dengan-

(mencelah)

ARH: Rakan serperjuangan saya baru lagi meninggal.

NMZ: Oh, ye ke [betul kah]. (simpati)

ARH: Ha (mengiyakan). Ada gambar-gambar boleh hmm. [Merujuk kepada gambar di Facebook]

NSM & NMZ: A'ah. (memahami)

ARH: Saya belajar, tidak ramai, dengan arwah guru ini. Cuma saya cari kawan yang betul-betul sahaja.

NMZ: Betul betul betul.

ARH: Tetapi malangnya kawan itu pergi dulu [Meninggal dunia]. Semua dah tamat, dia pergi dulu.

NMZ: Tuan- Pok Itam ingat lagi tidak, belajar dengan sapa [siapa]? Tok guru siapa nama.

ARH: Ingat ingat. (mengangguk)

NMZ: A'ah. Nama siapa?

ARH: Dalam itu ada. [Merujuk kepada Facebook]

NMZ: Dalam itu ada? Oh, ada dalam itu.

NSM: A'ah. (ketawa kecil)

NMZ: Boleh boleh nanti kami *try*. [Cuba tengok semula di Facebook]

ARH: Jap gi [Sekejap lagi] kita terangkan.

NMZ: Boleh (mengangguk). Sebab kami punya ini [kajian] hendak kena kesahihan.

ARH: Ha, tidak apa. Sekejap lagi kita— yang ada kita biar dulu.

NMZ: A'ah boleh boleh. Yang itu kita itu [biarkan] dulu. Berapa lama tempoh hendak belajar itu sebelum jadi guru silat?

ARH: Berapa lama hendak? (Keliru)

NMZ: Hendak belajar benda—silat itu sebelum hendak jadi guru silat.

ARH: Macam Pok ni?

NMZ: A'ah macam Pok. (mengangguk)

(Bunyi pelajar Pok Itam memberi salam)

ARH: Waalaikumussalam. Ha, Usop [Nama anak buah Pok Itam]. Dia sebenarnya, kita ini sebagai seorang- nak jadi guru, kita bukan tahu fizik dia. Kita nak tahu maknanya, rohani dan kebatinan, maknanya rohani dan jasmani. Dua-dua benda itu kita kena ambil tahu walaupun kita tidak lah secara formal [belajar secara formal], tapi sedikit pun kena ambil tahu.

NMZ: A'ah. (mengiyakan)

ARH: Kalau hendak jadi guru silat ini, saya rasa terpulang pada individu itu yang pikat [cepat faham] minda dia lah.

NMZ: A'ah. (mengangguk memahami)

ARH: Jadi, tidak semua orang boleh jadi guru. Kalau kita katakan sepuluh murid dengan satu guru. Jadi, guru hendak anugerahkan kepada anak murid seorang guru, ganti dia, pun bukan sepuluh orang itu berilmu. Dia ada yang terpilih, yang terpilih, siapa yang cekap, siapa yang cantik, siapa yang amanah. Jadi, dia pilih semua yang tercantik dalam permainan, cekap dalam- pergaduhan dia itu lah, dalam pelajaran itu. Jadi, otak minda dia itu lebih-- maknanya tekun lagi. Jadi, macam boleh menjadi seorang pendidik. Jadi itu lah, kata semua, sepuluh orang itu tidak menjadi guru. Tapi pada hari ini, yang Pok tengok, tak belajar banyak pun tapi jadi cikgu.

NSM & NMZ: A'ah. (memahami)

ARH: Banyak lah sekarang ini, ha banyak. Tidak tahu la amende [apa benda] masalah diorang [mereka], mungkin nama kot. Nama guru itu rasa-rasa mahal tak tahu.

NMZ: Ah, betul. (mengangguk dan ketawa kecil)

ARH: Bagi Pok guru silat ini, bagi Pok tidak ada nama- bagi Pok tidak ada erti apa pun. Cuma kita pun bukan hak kita, kita belajar daripada orang.

NSM: A'ah, betul.

ARH: Jadi kita hendak sampai ini, kita hendak bagi apa bukan hak kita. Jadi, kita pun rasa macam tidak ada mana, cara- bagi ikhlas sahaja kat [pada] dia. Hendak bangga diri pun tidak ada. Ha, kita bagi ikhlas ilmu aku ini, ajaran aku setakat aku mampu. Ha, ini dia.

NSM & NMZ: A'ah. (mengangguk memahami)

ARH: Jadi, maknanya lebih kurang dalam , kalau kira, di Mersing lapan tahun- sembilan tahun- lapan tahun menuntut ilmu, lebih kurang dalam tiga tahun ke, memang main Lian lah.

NMZ: Main Lian? Oh.

ARH: Main Lian.

NMZ: Tiga tahun Lian sahaja?

ARH: Hmm (mengiyakan), main Lian sahaja.

NMZ: Lian sahaja. Okey. Pok Itam ingat tidak lagi bila tahun hok [yang] mula panggil-

(mencelah)

ARH: Tahun 1976.

NMZ: Oh.

ARH: Tahun 1976 mula Lian. Selepas tahun 1976 mula Lian, tahun tujuh puluh—lama saya berhenti, berhenti-berhenti tahun lapan puluh tiga [1983]. Ha, berhenti main itu, tahun 1983. Daripada tahun 1976-

(mencelah)

NMZ: Berhenti sekejap.

ARH: Ha, berhenti tahun 1983. Lapan puluh empat [1984], tidak main dah.

NSM & NMZ: A'ah. (mengangguk memahami)

ARH: Tapi, suruh budak main, menziarahi kawan-kawan. 1985, saya balik Kemaman.

NSM & NMZ: Oh. (mengangguk memahami)

ARH: Ha, itu sahaja. A'ah.

NMZ: Okey. Aa-

(Tokoh juga bercakap pada masa yang sama)

ARH: Tak- (ketawa kecil)

NMZ: A'ah. (ketawa kecil)

ARH: Tapi kalau kita kira masa itu, kita belajar siang malam. Ha, kita belajar, kadang-kadang dekat malam itu. Ha, kita berlari naik cerun, lebih malam lagi. Dalam pukul satu, main pantai lagi.

NMZ: A'ah. Betul betul.

ARH: Ha, main pantai kita tiga orang lah. Tiga orang. Jadi, siang kita belajar, lepas isyak kita belajar. Jadi, lepas isyak pukul dua belas kita balik. Balik, sampai pantai kita lepak-lepak, main pula pantai.

(mencelah)

NMZ: Sambung balik.

ARH: Sampai pukul tiga. Kadang-kadang lah, kadang-kadang.

NMZ: Lama itu. (ketawa kecil)

ARH: Jadi, hendak cepat benda itu lah. Jadi.hendak pantas.

NMZ: Nak tanya, guru silat ini kerja tetap ke atau kerja sampingan Pok Itam sahaja?

ARH: Pok Itam ini sebenarnya mengajar silat tidak ada satu kerja. Pok masa itu, kerja di Kemaman. Pok kerja dalam satu syarikat dalam Kemaman Sdn Bhd East itu, pelabuhan itu. Jadi Pok ada masa sebab Pok ini *normal shift* [shif biasa]. Dulu ada dua dua shift, *night shift* [shif malam] dan *day shift* [shif pagi]. Jadi, sekarang ini Pok shif biasa. Jadi, peluang Pok mengajar itu, boleh.

NMZ: Maksudnya kalau ada masa lapang boleh sambung.

ARH: Boleh boleh boleh. Tidak ada masalah.

NMZ: Macam sampingan.

ARH: Jadi kita kerja pun, orang pun macam kita tak cara [peduli] war-warkan untuk siapa dia minat hendak belajar, datang. Maksud dalam iklan gapo [apa] tidak ada. Kadang-kadang kita nyorok [sembunyi], kawan-kawan hendak bawa, tanya lu [dahulu] Pok, “Ada kawan seorang bawa boleh tidak?” “Okey bawa.”

NMZ: A’ah. Oh. (mengangguk memahami)

ARH: Jadi kita tidak war-warkan benda itu. Jadi itu kata, hendak *upkan* [naikkan] diri sendiri untuk hendak naik itu, malas, ataupun kita diam. Bila di bawakan benda anak-anak buah kita, baru orang tahu ini permainan itu.

NMZ: Oh, okey. Pas-- kalau ini kerja sampingan, Pok Itam ada buat kerja apa lagi?

ARH: Oh, masa itu Pok Itam ada kerja dengan ini, kerja dengan *company* [syarikat] ini.

NMZ: Dengan syarikat.

ARH: Ha (mengiyakan), kerja makan gaji dengan syarikat.

NMZ: Dekat Kemaman lah?

ARH: Ha, dekat Kemaman lah. Lama, tiga puluh tahun.

NMZ: Tiga puluh tahun. (mengulangi ayat Pok Itam)

ARH: Ha. Tiga puluh dua tahun Pok Itan kerja dengan satu syarikat itu. Jadi masa untuk nak mengajar orang tiga puluh dua tahun itu boleh sangat lah.

NMZ: Iya (mengiyakan), betul lah itu (ketawa kecil). Tiga puluh tahun lama itu.

ARH: Ha, lama lah.

NMZ: A'ah. Di mana Pok Itam, apa ini, dinobatkan sebagai guru silat?

ARH: Okey, masa kita di Johor lagi, di Johor ini ada tiga orang guru buat pengisytiharaan dekat kumpulan ini. Makna dia bagi kebenaran, tapi saksi-saksi dah mati lah. Cuma ada seorang lagi masih ada di Mersing itu, kawan satu pejabat lah. Dia itu sebagai saksi juga. Jadi dia yang bagitahu [beritahu] guru-guru Mersing itu. Cuma dia kata, “dalam kamu bertiga ini, dia kata korang lah- (kalian) boleh jadi guru di Terengganu.” Dia kata gitu [macam itu]. Selepas itu, seorang, dia tiga orang cakap

benda yang sama tapi berlainan tempat. Berlainan tempat lah. Maknanya, katakan Kampung Seri Alam di Mersing, dekat, awak boleh jadi guru. Selepas itu, dekat, apa dia—dekat macam di Rompin pun sama juga. Di Sawah Dato' [Kampung Sawah Dato', Mersing] sama juga. Benda yang sama sahaja. Tapi ya lah, kita bukan niat hendak jadi cikgu. Cuma niat kita macam gini [begini], kalau ada kawan-kawan, anak-anak.

(mencelah)

NMZ: Sama-sama. A'ah.

ARH: Tapi lah, baru lah, dia hendak keluarkan kat dia. Tapi ya lah bila kita curah pada anak, dia pergi pada anak sedara [saudara], daripada anak saudara turun pada kawan, dia pergi lebih ramai lagi.

NMZ: Jadi lebih besar. Agak. (ketawa kecil)

ARH: Ha, begitu. A'ah.

NMZ: A'ah. Betul. Sekejap eh. Di mana apa-- Pok Itam mengajar silat itu lani [sekarang]?

ARH: Ehem (berdehem), mula yang pertama Pok Itam mengajar di Cheneh.

NMZ: Di Cheneh (mengulang kembali ayat)

ARH: Di Cheneh. Kedua di Gebeng.

NMZ: Gebeng. (mengulang kembali ayat)

ARH: Gebeng Kuantan.

NMZ: Oh, Kuantan.

ARH: Ketiga, Pok Itam mengajar seorang, dalam rumah di Ibok [Di Daerah Kemaman]. Di Ibok ah.

NMZ: Individu lah itu? Ha, seorang. (ketawa kecil)

ARH: Ha, Ibok. Selepas di Ibok, mengajar di Kampung Besut. Selepas Kampung Besut, belajar di-- mengajar di Kampung Jaya, pejabat itu lah, pejabat haiwan, belakang pejabat haiwan.

(Pelajar silat Pok Itam mencelah)

Pelajar silat: Veterinar.

ARH: Ha? (keliru)

Pelajar silat: Gong Pauh. Kampung Gong Pauh.

ARH: Di pejabat haiwan, belakang pejabat haiwan bukan Kampung Jaya?

Pelajar silat: Kampung Pauh, eh, Gong Pauh.

ARH: Gong Pauh. Ha, Gong Pauh. Gong Pauh dua tempat Gong Pauh.

NMZ: Gong Pauh itu dekat Terengganu juga eh?

ARH: Ini, Kemaman ini. (menunjuk arah belakang)

NMZ: Ah, Kemaman ini. Okey okey, *sorry* [maaf].

ARH: Pejabat haiwan pun Kemaman. Pejabat haiwan belakang dia itu, Pok mengajar. Selepas itu, mengajar situ, Pok mengajar rumah. Selepas itu, mengajar di pejabat, apa ini, pejabat Majlis Perbandaran. Banyak tempat lah. Ha, mengajar di mana-- (memikirkan ayat).

(Pelajar silat Pok Itam mencelah)

Pelajar silat: *Bakery* [Kedai roti].

ARH: Hah? (tidak mendengar)

Pelajar silat: Dekat kedai roti.

ARH: Ha, selepas itu sampai sini lah. Jadi banyak tempat lah, lebih kurang berapa tempat tidak tahu. Banyak lah.

NMZ: Banyak tempat. (ketawa kecil)

ARH: Hmm (mengiyakan). Kemaman ini. Boleh *interview* [temubual] begini hendak buat pun.

NMZ: A'ah, boleh. Nanti kita itu. Sekarang ini berapa anak murid Pok Itam sekarang?

ARH: Kita tidak ada buku catatan bukan.

NMZ: Tidak ada? Maksudnya, kalau belajar, belajar. Oh.

ARH: Ya. Kalau kira, memang ramai tapi kita kita dah tidak ada buku catatan sebab dia dah lama kita mengajar, benda itu ramai lah. Hendak kata berapa, agak-agak berapa orang (ketawa kecil).

(Pelajar silat Pok Itam mencelah)

Pelajar silat: Lima puluh orang lebih tidak?

ARH: Lebih. Lebih daripada 100.

NMZ: Lebih 100. Hmm okey.

ARH: Lebih daripada 100 orang.

NMZ: A'ah. Selain daripada Pok Itam ada lagi tidak guru pengajar yang- yang itu juga, yang ajar-

(Penemubual pertama mencelah)

NSM: Yang bantu. (membetulkan pertanyaan)

NMZ: Yang bantu. A'ah.

ARH: Okey okey begini, sebenarnya anak murid ini ramai dan ada yang jadi guru. Contohnya begitu lah, tapi sebenarnya, guru yang- sebenar-benarnya belum- belum lagi kita diisytiharkan. Maknanya, kalau guru itu hendak mengajar, takat hendak mengajar itu boleh sebab hendak jadi kata- hendak tabalkan diri adalah pengganti aku. Ha, yang itu belum lagi.

NMZ: Yang itu tidak ada lagi?

ARH: Ha, belum lagi. Kalau kita okey, engkau boleh mengajar. Ha, itu biasa dah. Engkau boleh mengajar. Boleh, kalau ada kawan-kawan hendak

belajar, selepas itu mengajar lah. Tapi kita tidak isytihar diri sebagai guru. Belum lagi. Cuma kita kata dia boleh. Ha, dia boleh mengajar, tak semestinya kata boleh mengajar bahawa kita dah nobat dia sebagai guru, bukan. Orang kata, boleh lah hendak mengajar.

NMZ: Betul. Selepas itu, eh sekejap. Hendak tanya, apakah usaha yang buat selama ini untuk capai tahap ini?

ARH: Kadang-kadang bila kita didik kan, usaha kita, tenaga yang penting eh. Pertama sekali tenaga. Selepas itu, kadang-kadang kita jangan rasa jemu. Walaupun dia tak- apa- tak berkenan di hati eh, perbuatan itu macam orang kata sumbang ke apa. Okey, kita cuba juga hendak suruh dia lepas tahap boleh. Jadi, itu lah salah satunya benda yang paling mencabar. Sebab itu kadang-kadang kita rasa bosan juga kan? Benda yang sama, tak pandai-pandai. Benda yang sama sahaja. Selepas itu okey, malam ini okey lah sedikit. Besok [esok] pagi macam itu pandai-pandai tidak ingat semula. Tidak ingat. Ha, yang itu lah yang paling mencabar lah rasa. Selepas itu, rasa bangganya pula ada. Bila kita ajar satu, anak murid kita boleh dapat buat itu jadi dua. Kononnya kita tunjuk dia hari ini, jadi dia boleh buat terus. Tunjuk sekali lagi, dia boleh buat lagi. Ha, yang itu kita rasa bangga di atas keupayaan dia itu. Jadi, hendak kata mencabar, tidak ada, yang tadi lah kata mencabar. Ha, jadi- kalau setakat kehadiran mereka tidak ada apa-apa pun mengganggu kita. Tidak ada. Cuma kita kalau misalnya, ke mana, akan beritahu. Ha, kita, yang lain tidak ada, kita ada kerja. Jadi, itu sahaja lah yang kata mencabar anak murid itu kurang ingatan dia. Kita kena ajar berulang-ulang.

NMZ: Ya, sebab dia pun kena ingat *step* [langkah] itu.

ARH: Ha- itu sahaja. “Sop, duk [duduk] dekat ni [sini] Sop.” Pok Itam memanggil pelajaranya.

NMZ: Mari lah duduk. (ketawa kecil)

ARH: Mari duduk dekat sini. (masih memanggil pelajaranya)

NMZ: Selepas itu, Pok Itam sertai silat ini sebab kehendak sendiri ke ataupun ibu bapa?

ARH: Kehendak sendiri.

NMZ: Memang kehendak sendiri sebab dari sekolah rendah lagi kan?

ARH: Ha. (mengiyakan)

NMZ: Macam mana Pok Itam boleh tertarik dengan seni silat ini sedangkan seni pertahanan diri itu banyak lagi macam Taekwondo apa semua itu?

ARH: Cuba, seni ini sebenarnya, minat. Jadi minat itu kita, cuma satu sahaja, bila kita belajar tapi minat kita tidak ada. Macam dipaksa orang suruh kita belajar kan, jadi benda ini tak pas [lepas] ke mana pun.

NMZ: Ya, tidak ikhlas. (ketawa kecil)

ARH: Dia akan hilang habis. Tapi bila kita datang dari hati kita sendiri, belajar satu guru, kata silat A. Kita dah *conquer* [menguasai] silat A itu. Tapi, kita akan melangkah lagi pada guru yang lain, silat B. Jadi, kita akan melangkah lagi kepada silat C. Pasal apa? [Kenapa?], pasal [kerana] hati kita minat. Ha, itu sahaja. Jadi tidak ada sapa-sapa [sesiapa] paksa, Cuma minat itu ke arah Lian.

NMZ: Hmm. Okey. Boleh Pok Itam kongsikan tidak kepada siapa Pok Itam perturunkan ilmu seni silat.

ARH: Saya ada anak murid yang lepas-lepas dah. Seorang itu masih ada lagi dan seorang itu dah meninggal. Tapi, yang saya anugerahkan dia lah. Sekarang masih hidup seorang dan boleh jadi guru. Guru ini dia, saya sendiri yang lantik dia jadi guru. Ha, sekarang ini ada di Felda Neram. Felda Neram Satu.

NMZ: Oh. Sekarang umur dia berapa?

ARH: Apa dia?

NMZ: Umur dia berapa?

ARH: Umur dia empat puluh lebih lah, lima puluh. Lima puluh lah.

NMZ: Sekarang dia guru silat juga lah?

ARH: Ha, dia anak murid kita lah. Selepas itu, generasi-generasi akan datang ini, yang ada sekarang ini pun boleh dilepaskan. Maknanya, dia boleh bawa diri dia sendiri. Boleh. Cuma kita masih lagi bergaul. Ha, bergaul. Selepas itu, kita hendak didik lagi satu permainan seni, Silat Gayung. Jadi, yang dia kuasai adalah dua permainan. Satu, Lian, selepas itu Pongok. Selepas itu, satu lagi ini sedang, sedang diwarkan permainan itu dipanggil Silat Gayung. Di dalam Gerak Lima ini dipanggil tiga permainan, Lian, Pongok, ha silat [Silat Gayung].

NMZ: Okey, selain mengajar silat kan, silat ini ada tidak macam buat persembahan dekat majlis-majlis apa-apa?

ARH: Ada-- (mengangguk) banyak sangat.

NMZ: Banyak majlis itu (ketawa kecil).

ARH: Mm-mm. Kalau ikutkan, musim Covid ini lah, itu pun ada juga. Celah-celah, ha, celah-celah. Okey, jadi di kenduri kahwin itu memang biasa lah. Selepas itu, kalau ada pesta, mana-mana pun, kita pun dijemput pergi. Di Mersing, Pulau Pinang, Kuala Terengganu kita pergi. Tapi baru ini tidak sampai Besut, tidak pergi Besut, Covid. Ha, tak jadi. Kita dah *prepare* [bersedia] hendak pergi besut ini. Kita pun ke arah hendak pergi Melaka, pergi Kuala Lumpur. Jadi kita mahu berubah angin, mahu berubah angin ha.

NMZ: A'ah. Nak suruh orang kenal kan.

ARH: Ha-- kita mahu pergi dalam satu- apa dua kereta, kita *enjoy* [bergembira]. Ikut kawan-kawan di sana. Ha, kita boleh berkumpul dan bermain Lian. Jadi, di mana saya rasa bukan satu jenis hendak jual ilmu, hendak tunjuk kita punya kelebihan. Bukan. Itu memang jauh sama sekali. Cuma mengeratkan sama-sama persilatan. Jadi, kita bagi macam Pok Itam, tak suka hendak *condemn* [mengutuk] permainan mereka. Dia permainan dia, dia cara dia. Kenapa kita tidak belajar macam Taekwondo, dan apa-apa lah, itu dia, cara dia. Kita minat, dengan cara minat kita. Ha-- jadi ada orang itu dengan Tomoi, ada orang dengan Silat Ga- Silat Pulut, Silat Gayung, ada yang macam-macam jenis. Kena apa nama, Taekwondo, Karate, Judo, kita dengan cara kita.

NMZ: Betul. Apa peristiwa yang paling diingati masa buat persembahan di khalayak ramai?

ARH: Peristiwa?

NMZ: Peristiwa yang paling diingati.

ARH: Oh (ketawa kecil). Okey—selepas itu, eh, kita sebagai tenaga pengajar, jadi kita kurang membuat persembahan. Tapi, yang buat persembahan itu anak-anak murid kita. Tapi ada sekali saya buat persembahan. Masa itu dekat Mersing. Tanpa saya di—orang kata tidak fikir ke arah itu. Maknanya ingat anak buah kita buat. Tapi pengadil di situ ataupun maknanya apa dia panggil, macam *DJ* [juruhebah] apa dia? (bertanya pelajarnya). Pengacara. Pengacara dia. Panggil semua perguruan turun, buat permainan. Jadi, saya terlibat sama, kali pertama saya terlibat. Itu lah peristiwa itu saya boleh ingat. Ramai cikgu di Johor itu termasuk guru saya, dan bermacam-macam aliran permainan itu. Ha, selepas itu

yang ada di sebelah saya pun dah meninggal, kiri kana pun dah meninggal. Ramai sudah meninggal.

NMZ: Mahu tanya Pok Itam, berapakah tempoh ataupun tahap seseorang itu untuk jadi cikgu silat?

ARH: Okey, kalau setakat mahu belajar satu permainan Lian. Boleh dikatakan kalau seminggu, lima hari. Seminggu lima hari, dalam enam bulan cukup. (mengangguk) enam bulan cukup. Dalam seminggu kita mengajar lima hari sahaja. Okey dalam sebulan dia boleh mengawasi dan boleh mengajar orang lain pula.

NMZ: Oh. Enam bulan.

ARH: Enam bulan. Dia tidak perlu ambil masa yang begitu panjang sebab benda ini bagi Pok benda yang *simple* [mudah] sahaja. Yang simple sahaja. Bukan dia kena suruh bertapa, pantang larang, nak mandi itu lah apa lah. Tidak ada. (ketawa kecil). Kamu kena masuk gua itu, yang itu sungguh orang banyak main tahun. Ini hari-hari buat benda yang sama. Ha, jadi, tidak ada mustahil lah enam bulan untuk orang itu boleh jadi guru.

NMZ: Selepas itu, masa sertai silat, adakah sebarang kecederaan sepanjang menyertai silat itu? Paling teruk.

ARH: Bagi takat-- buat masa ini, tidak ada lah setakat ini tidak ada. Cuma ada masa itu dia, masa itu di Mersing, ada seorang anak murid, tapi dia ingin tahu dengan lebih sangat, jadi dia macam dia tidak puas hati dengan pukul, dia mahu pukul dengan lebih laju. Jadi, masa itu lah terkena dekat

sini (menunjuk ke arah matanya). Macam telur rupanya macam telur [benjol], boleh tekan bagi masuk. Sebab itu jangan, melebihi dari keupayaan kita, sebab tidak mampu. Kita mahu ajar, terkena, bukan sengaja. Cuma, kita mahu bagi ini (mengenggam tangan menandakan pukulan), dia terkena. Itu lah, selepas itu kita jaga-jaga tidak mahu bagi cacat. Jaga. Lagi pun, bila kita ada, kalau kita hendak main pukul, kita ada *protect* [pelindung] (menunjuk ke arah badannya). Ha, pelindung. Pelindung di dapur dua.

NSM: Okey, sekarang mahu tanya pasal sejarah perkembangan silat di Malaysia ini. Kalau berdasarkan pengetahuan-- Pok Itam kan, boleh tidak Pok Itam terangkan sejarah silat di Malaysia, silat secara *general* [menyeluruh].

ARH: Tanya lah.

(Pelajar silat Pok Itam mencelah)

Pelajar silat: Merangkumi semua sekali aliran.

NSM: A'ah, semua sekali. Macam mana wujudnya silat di Malaysia ini?

ARH: Saya tentang silat ini saya hanya tahu tentang Lian sahaja. Merangkumi semua ini saya tidak tahu sebab bila bertapak zaman apa ini. Jadi, kadang-kadang bagi saya lah, kita lah, kita ambil Kelantan ada Tok Janggut eh. Tok Janggut ini lagi hebat benar. Tapi benda ini positif boleh jadi negatif. Tok Janggut mereka adalah pahlawan yang sebenar. Pahlawan yang sebenar sebab dia tidak pernah mundur daripada tempat dia. Tidak pernah keluar minta bantuan sesiapa pun. Dia menghadap juga

benda itu (menepuk tangan). Dia sanggup mati, dan akhirnya dia mati. Tapi, itu lah saya mahu cerita. Kalau pahlawan lain, banyak minta bantuan daripada orang ini, lari pergi sini, lari pah sini [mari sini]. Jadi perlu kah yang ini kita panggil pahlawan? Ha itu lah, jadi itu konsep bagi saya lah, saya *confuse* [keliru]. Kenapa orang yang jadi pahlawan ini dia berani duduk [menetap] tanah air dia, dia berani lawan, sampai dia berani mati. Tapi, nama itu pahlawan, tapi kenapa lari minta bantuan sini, lari ke sana, lari ke sana. Jadi, adakah yang ini yang nama pahlawan? Kadang-kadang kita kata, tidak- berasa lah berasa hati okey. Jadi bila menyeluruh kita kata semua ini, penubuhan silat ini, kita pun tidak tahu sebab zaman itu zaman sebelum Hang Tuah sudah ada dah. Ha, macam itu lah. Jadi, bagi kita, apa eh, bagi kita ini cuma yang kita tahu, makna persembahan Lian ini wujudnya pada orang abad ke-100 tahun lah, kalau ikutkan usia 100 tahun. Dua abad lah, kira dua abad. Yang ini yang saya tahu. Jadi, kalau macam silat yang saya bawa ini adalah silat yang daripada Mersing.

NSM & NZM: Mersing (mengganggu memahami).

ARH: Mersing ini pun saya dapat daripada Awang Daik. Daripada susur galur Awang Daik. Jadi, Awang Daik ini daripada Syed Abdul Rahman. Jadi, nama-nama, gambar-gambar ini ada belaka [semua] (menunjuk ke arah telefon pintarnya). Nanti saya *forward*kan [hantarkan].

NMZ: A'ah boleh boleh.

ARH: Jadi, ini yang namakan, Awang Daik. Selepas itu, yang namakan, apa ini, guru yang keempat, generasi yang keempat, macam Cu Aman [Rahman bin Awang Chik]. Ada, boleh tengok.

NSM: Jadi Silat Lian ini mula di Mersing lah?

ARH: Apa benda? (terganggu perhatian dan bercakap dengan pelajarnya). Ya ya (menjawab pertanyaan semula). Sop, mari duduk di sini Sop. (memanggil pelajarnya). Makan itu makan. (mempelawa penyelidik makan).

NMZ: Ha, tidak apa, makan-makan.

(Penyelidik-penyelidik berbual sesama sendiri dan tokoh serta pelajarnya semasa berhenti untuk rehat sementara)

NMZ: Kita sambung dengan itu eh. Jenis-jenis silat di Malaysia ini, dia ada banyak-- jenis kan? Berdasarkan pengetahuan Pok Itam, apa beza-beza antara silat ini, jenis silat itu?

ARH: Dia, silat ini sebenarnya berlainan jenis walaupun nama dia sama. Dia, silat di sebelah Pantai Timur ini, dia kebanyakan silat untuk macam kenduri kahwin. Selepas itu, tempat-tempat macam pembesar-pembesar negeri. Jadi, silat untuk biasanya, majlis perkahwinan itu lah biasanya silat, yang diwujudkan sebelah Pantai Timur ini. Tapi, Pok rasa mesti di negeri lain sama juga. Tapi, silat ini sebenarnya, macam Silat Lincak, Silat Lincak ini masa Pok menetap di Perak dahulu. Tapi, tidak tahu lah asal dia mana, tapi Pok kenal itu Silat Lincak. Kenal lah itu Silat Lincak, dibawa oleh Omar Din lah. Selepas itu, kalau kita kira silat ini di sebelah Pantai Timur macam Pok ini, lama juga. Silat itu zaman Mat Kilau datang dengan Dato Bahaman. Ha, sama dengan Tok Ku Paloh, sama dengan apa ini, sama dengan apa nama, usia Tok Kenali. Jadi, maknanya satu angkatan pahlawan Dungun itu, masa itu, nama dia, Pok Soh Gupal

[Jusoh Kumpal], dia turunkan ilmu persilatan kepada anak dia, Tok Guru Muda. Tok Guru Muda itu ajar pula pada saya, pada arwah ayah silat. Jadi, tidak faham lah hendak kata silat Malaysia ini sebab saya tidak tahu nak kabo [beritahu]. Hak orang saya tidak mahu komen apa-apa. Tapi silat yang saya tahu, banyak, Silat Lincah, Silat Sendeng, Silat Pukeng, Silat Minangkabau, Silat Pagar Ruyong. Banyaklah. Silat Seri Rama. Macam-macam jenis silat, Silat Sekebun ada, Silat Hang Tuah ada, Silat Kuningan ada. Macam-macam nama silat. Jadi, nama itu silat tapi permainan dia arus masing-masing. Jadi, tidak mahu cakap apa tentang orang. Silat macam Pok ini, Pok menggunakan Silat Gerak Lima. Tapi, ha, Gerak Lima. Tapi kenapa silat itu Gerak Lima? Jadi, Silat Gerak Lima Pok gabungkan, bukan makna Pok campur-campur, tidak. Pok gabungkan nama tiga silat itu masuk dalam negeri ini jadi Gerak Lima.

NMZ: Selepas ini hendak tanya, Pok Itam tahu—apa pantang larang semasa nak—sepangjang menyertai seni silat?

ARH: Pantang larang itu tidak lah seberapa berat sangat cuma kita, satu sahaja kita pesan pada anak buah kita, jujur. Kalau boleh jangan bohong. Ha, selepas itu, lain itu kita tidak boleh nak *control* [kawal] mana sebab bila kita kata jangan bohong, memadai lah. Kalau dia buat jahat pun dia tidak cakap, dia buat baik, dia akan beritahu. Kalau dia buat baik pun dia akan beritahu, makha cerita itu jangan bohong. Jadi kita kawal di situ sahaja lah. Jadi, pantang dia, larang dia, begini sahaja lah. Maknanya kita tidak boleh lah makna nak [mahu] ego, mahu fikir kita lebih daripada orang. Tunjuk kita kononnya hebat. Tapi, sebenarnya kita pun tidak ada. Kita pun tidak ada sebesar zarah pun kehebatan itu. Ha, tidak ada.

NMZ: Okey, daripada saya baca di Internet kan, silat dan pencak silat ini dia sesuatu yang berbeza. Apa pandangan Pok Itam?

ARH: Dia, silat ini, pencak silat banyak sebelah Indonesia.

NMZ: Hmm. Indon [Indonesia] kan, pencak silat.

ARH: A'ah, dia pegang pencak silat. Kita pegang silat. Okey, dia sebenarnya nama dia berbeza, benda lebih kurang. Pencak silat dengan silat, hanya pada nama.

NMZ: Pada pendapat Pok Itam, jenis silat apa paling— popular [terkenal] sekarang. Kalau, macam orang kenal.

ARH: Saya, saya kata Seni Silat Lian lah paling terkenal bagi saya. Lian ini banyak nama, tapi atas Lian itu, walaupun dia banyak pada nama tapi mainan dia sama. Jadi, bagi—Pok lah, Lian bagi Pok paling *best* [seronok]. Ha, paling seronok. Maknanya, dia tidak orang kata *over* [melebih-lebih], dia tidak terlalu terpendam. Dia boleh bawa Ketengah dan dia boleh bawa di mana-mana dia pergi. Ha, jadi dia tidak digendang, dia padan dengan *seround box* [satu kali pusingan] sahaja. Dia punya *speaker box* [kotak pembesar suara] sahaja boleh, lagu mengikut tema. Ha, jadi tidak payah [perlu] kita gunakan muzik, alat khoh [khas] macam gendang, gong, apa semua tidak perlu. Jadi, kalau bagi Pok, yang paling seronok bagi Pok, Lian lah. Mm-mm.

NMZ: Sekarang Pok Itam belajar Seni Silat Lian lah? Aaa (tersalah sebut), mengajar.

ARH: Okey--. Seni Silat Lian ini waktu Pok menetap di Mersing. Sebelum pada Itu, Pok belajar silat lain. Di Terengganu, Pok belajar nam dia silat

Pongok. Selepas itu di Dungun Pok belajar Silat Kacang Junjung, nama silat itu. Kacang Junjung. Maknanya kita kira begini, budaya yang kita belajar itu semua budaya lama. Lagi pun, Pok belajar dengan orang tua-tua lama. Jadi, di situ kita simpan sejarah-sejarah lama. Jadi, lebih yang terminat, pada Lian itu.

NSM: Sekejap. Jadi Silat Lian ini mula di Mersing lah. Mula kenal di Mersing?

ARH: Ya ya. Kenal dengan arwah bapa saudara sendiri lah. Nama Mat D.O, dalam ini ada nanti Pok bagi. Mat D.O.

NSM: Tahun berapa eh mula kenal itu [Silat Lian]?

ARH: Oh. Tahun 1976. (ketawa kecil)

NMZ: 1976. Okey, boleh Pok Itam terangkan apa beza buah dengan bunga dalam seni silat.

ARH: Okey. Dia memang betul dari bunga datangnya buah. Okey, kalau orang kata buah tidak ada bunga, tidak seronok juga bukan? Memang buah pukul tapi tidak ada pula orang sebut bunga pukul. Dia okey, dia tarian dia ini okey, tarian dia adalah salah satu keunikkan seni. Keunikkan seni lah. Tapi, buah dia tidak ada seni. Buah, sekejap sama. Kalau kata pukul, tumbuk pun sama. Pukul (menunjuk cara pukulan), tumbuk (menunjuk cara tumbukan). Dia pukul begini (menunjuk cara pukul), yang tumbuk begini (tunjuk cara menumbuk). Jadi, di mana posisi kita belajar tumbuk, memang tumbuk lah. Jadi, satu buah, namanya buah tumbuk. Tapi, kalau seni silat, dia itu ada cara, keunikkan seni dia. Tapi, daripada bunga sakni

[tadi], seni itu lah. Macam, gerak ke kiri itu, kita gerak ke kanan di panggil bunga lah.

NSM & NMZ: Oh.

ARH: Ha, bunga dia. Makna dia lentikkan ke bawah, dia naik ke atas. Itu dia panggil bunga. Tapi buah dia yang habisan menjadi, tumbuk. Ha, dia pukul. Tumbuk, cara pukul dia memang begini. Ha, dia pukul. Jadi bunga itu seni. Okey, sebelum jadi buah, seni dahulu.

NMZ: Kalau-- jenis silat apa yang sering dipersembahkan untuk macam di khalayak ramai?

ARH: Biasanya Seni Silat Gayung. Ha, Silat Gayung. Silat Gayung dipersembahkan di khalayak ramai. Tidak kira lah nama apa Gayung itu, tapi Seni Silat Gayung. Ha, okey. Nama itu macam-macam.

NMZ: Oh, dia guna nama banyak lagi.

ARH: Ha, banyak-banyak tadi Pok beritahu tadi bukan? Nama dia, yang ini kata silat amenda [apa], yang ini Silat Patani, bukan? Daripada sana [Siam]. Yang ini Silat Jatuh Kelantan atau Silat Kelantan, Silat-- Rama. Ha, macam-macam nama. Tapi, pokoknya, silat itu lah dipersembahkan keseluruhannya di khalayak ramai.

NSM: Ini tentang pakaian pula, bolehkah Pok Itam terangkan cara pemakaian silat ini?

ARH: Okey. Kita banyak pakaian. Daripada *t-shirt* [kemeja T], sampai baju silat. Jadi begini, kita kira, apa ini, nak jalan sambil bergembira, kita pakai kemeja T. Sebab kita-- boleh jalan, sekali nak jalan. Malu kokrang [pada orang] nak masuk dalam-- malu pada orang. Cerita-- Pongok begini. Pusingan belakang dia sama, jom tengok sama bukan? (menunjukkan corak baju itu). Ha, okey. Sama bukan? Cuma Pongok sama, lebih kurang ini juga bukan?

NSM & NMZ: Oh. A'ah (mengiyakan).

ARH: Sama bukan? Hadapan dia sama. Okey, jadi, apa soalan tadi? Pakaian?

NSM & NZM: Pakaian.

ARH: Pakaian dia yang lebih menganjur pada silat, dia pakai busana. Ha, busana. Tanjak. Pakai busana lah. Busana, baju silat uzur. Ini, baju silat (menunjuk ke arah baju yang dipakai oleh pelajarnya). Ini, baju macam khas, yang ada tanjak.

(mencelah)

NSM: Yang warna hitam.

ARH: Ha. Jenis itu silat ini dia pakai tanjak, busana dengan keris. Itu macam pengantin lah.

NMZ: Kain songket itu ke? Songket itu eh. Oh. Baju pengantin.

ARH: Baju silat itu begini lah.

NSM: Selepas itu Pok Itam tadi cakap tentang perisai.

ARH: Perisai? Okey, dia perisai begini. (menunjukkan gerak langkah melindungi diri).

NSM: Oh, perisai. Ingat ke perisai itu [perisai berbentuk pakaian atau senjata].

NMZ: Aduh, senjata (ketawa kecil).

ARH: Okey, perisai dia satu. Jadi, Pok Itam tidak gemarkan dengan senjata. Jadi, sebenarnya begini, kalua kita pandai senjata, kita tak *confident* [yakin] hendak mengajar anak murid itu. Kita takut terkena dengan senjata itu. Jadi, kita kata tidak mahu ambil risiko itu. Kita mengajar guna tangan, orang Terengganu panggil, tangan kosong.

NMZ: So [jadi], Seni Silat Lian ini kebanyakannya tidak menggunakan senjata lah.

ARH: Ada yang guna senjata pakai tekpi.

NMZ: Tekpi? (keliru)

ARH: Ha, tekpi. Tekpi itu jenis macam mana eh, ada pekan, sekarang dekat rumah.

NMZ: Ha, okey, tidak apa.

NSM: Selepas itu, seni bela lain kan ada pakai tali pinggang, yang silat pakai?

NMZ: Kalau silat ada tali pinggang?

ARH: Oh. Okey okey. Dia yang tali pinggang ini biasanya Taekwondo eh. Taekwondo ini dia berbeza dengan silat. Taekwondo ini, dia satu ada tali pinggang hitam, yang putih, dia ada. Dia tengoklah mana dia punya tahap. Okey tahap rendah pakai ini, tahap—jadi macam Pok tidak ke arah itu. Tidak ke arah itu. Jadi, Pok ini lebih suka ke arah Melayu.

NSM & NMZ: Oh. (memahami)

ARH: Jadi, kita tidak menghina mana-mana pihak. Kita masih lagi orang kata, tidak berminat, jadi tidak berminat, tidak ada lah.

NMZ: A'ah. Jadi seni silat yang ini masih pakai tali pinggang ke?

ARH: Dia tidak ada tali pinggang. Cuma, dia ikat sahaja. Ikat tanpa bui [bagi] gelebeh [kendur] itu seluar, bukan? (ketawa kecil). Tidak mahu bagi terbuka. Dia ikat sedikit, hendak bagi dia kembang. Dia Silat Lian ini

tidak ada kata, pakaian khas. Tanjak ke, sampin ke, tidak ada. Dia tidak ada macam Silat Gayung, nak ada pakai tanjak, nak ada pakai sampin, macam-macam lah. Tapi kalua Lian ini tidak ada apa-apa. Cuma, bila kita nak buat satu persembahan, jadi kita buat lah, maknanya baju, baju dengan tema perguruan itu lah. Jadi, tema itu sebenarnya kita kena daftar sebenarnya. Selepas itu, kita tidak boleh cetak sesuka hati kita sahaja. Daftar atau mana-mana la.

NMZ: A'ah. (mengangguk kepala mengiyakan)

ARH: Maknanya kita bawa logo itu. Milik kita dan kita doh [sudah] daftar, macam logo Pok ini. Okey. Milik Pok, kita daftar sudah dengan dia.

NMZ: A'ah betul.

ARH: Jadi macang [macam] ore [orang] lain dok [tidak] tiru.

NSM&NMZ: A'ah. (mengangguk kepala mengiyakan)

ARH: Sape [Siapa] ini dok [tidak] kenal? Jadi kita dok boleh [tidak boleh] wak [buat] begitu.

NMZ: So [Jadi] logo tu memang spesifik untuk Gerak Lima?

(mencelah)

ARH: Hmm Gerak Lima. (mengangguk mengiyakan). Eh makan la dulu.
(menunjukkan ke arah keropok lekor)

Temubual terhenti sebentar, tokoh mengajak untuk makan keropok yang disediakan oleh isterinya.

NSM: Okey, hendak tanya pasal syarat. Apakah syarat minimum dari segi umur, orang tu hendak sertai silat?

ARH: Ehemm. (berdehem)

NSM: Syarat minimum.

ARH: Dia-- sebenarnya silat ini dia tidak ada syarat, kalau dari segi umur.

NSM: A'ah. (mengangguk)

ARH: Lebih.. Orang sekarang ini budok sekolah [budak sekolah] pun ado doh [sudah ada], cikgu pun ado doh suruh..(berfikir). Mmm, satu mende [benda] lain .. Mmm bad-.

NMZ: Ad— Koko, koko [Kokurikulum] ?

(mencelah)

ARH: A'ah (mengiyakan). Macam satu.. badan lain maghi ngajor [mari mengajar]

NMZ: A'ah betul. (mengangguk mengiyakan)

ARH: Maknanya ada guru-guru lain mari mengajar situ. Jadinyo [Jadinya] hendak kate [kata] faktor umur tu.. dok [tidak] timbul doh [dah] rasanya sekarang.

NSM: A'ah ikut sahaja.

ARH: A'ah. (mengangguk mengiyakan)

NSM: Okey, ini hendak tanya pasal pergerakan dalam Silat Lian ini, boleh tok [tidak] terangkan pergerakan yang guna dalam silat ini?

NMZ: Antara pergerakan..

(mencelah)

ARH: Okey..(berfikir) pergerakan dia. Nama-- pergerakan tu Gerak Lima.

NSM&NMZ: A'ah. (mengangguk)

ARH: Lima tu adalah satu...hmm topok [tapak], cuba bangun Sop [pelajar Pok Itam] buat.. (sambil memberi isyarat kepada pelajarnya) Tapok,tapok [tapak].

NMZ: Hendak itu.. (meminta izin untuk merakam)

(mencelah)

ARH: Tkpe [tidak apa] dia buat kat sana. (sambil menunjukkan ke arah depan)

NMZ: A'ah, okey. (membetulkan kamera)

ARH: Okey, dia duduk ha. [berdiri di tengah]. Okey..

(Penyelidik memberi isyarat untuk meminta izin betulkan kamera)

ARH: Tidak apa--

NMZ: Kejap ya.

ARH: A'ah. Tengok pergerakang [pergerakan] dia.

(Penyelidik mempersiapkan diri untuk merakam pergerakan yang dibuat oleh pelajar tokoh)

Pelajar: Tenang-- (sambil ketawa).. Jangan gopoh

(semua ketawa)

Pelajar: Lek-lek je [Tenang sahaja].

NMZ: Ya, tenang sahaja. (tersenyum) Okey.

ARH: Okey eh.. Aaa ini dipanggil tapak—kedudukang [kedudukan]. Tapak kedudukan ini, dia dah ada satu dia panggil, tapak ini pergerakan satu.

NSM: A'ah. (mengangguk)

ARH: Okey yang dinamakan gerak tu satu. Ke depan Sop [Yusof]. Okey itu dipanggil Gerak Satu. (memberi arahan kepada pelajarnya untuk tunjuk Gerak Satu)

NSM: A'ah.

NMZ: Gerak Satu.

ARH: Tekang-- [tekan] , (bunyi tangan di tampar yang merupakan teknik dalam pergerakan) Ke kiri-- (memberi arahan kepada pelajarnya) Okey, ini gerak dia dua.

NSM: Oh.

NMZ: Gerak Dua.

ARH: Okey. Tekan, tu Tekan. Okey pukul (bunyi tamparan tangan). Okey, gerok [gerak] balik ke belakang, tu gerak yang ketiga.

NSM: A'ah

(bunyi anak Pok Itam bermain kereta kawalan jauh)

ARH: Okey , yang tu dipanggil Gerak yang Keempat. Eh, yang ketiga. Okey, yang tu keempat. Okey, keempat. Mmm balik semula, cukup yang kelima. Okey—

NSM: Mmm.

ARH: Tu adalah satu pergerakan. Okey, senjata yang kita perlu dalang permainang [dalam permainan], pukul..okey ini pukul, perisai—ke depan ini (bunyi pukulan). Tumbuk—

(pelajar menunjukkan gerak yang menjadi simbolik pukul, perisai dan tumbuk dalam Gerak Lima)

NMZ: Tumbuk? Oh,

(mencelah)

ARH: Tumbuk (mengiyakan). Okey, Tekan, Selek, aaa Tekan--. Tu [Itu] dia panggil tekan. Masa tekan, boleh kita guna dua, satu (menunjukkan teknik tekan di bahagian siku), dua (menunjukkan teknik tekan di bahagian tangan), siku dengan tangan [siku dan tangan], masa tekan (bunyi pukulan tangan). Itu dia panggil kelek gerak ke kiri. Ini, gerak ke kanan balik. Mmm, paham [Faham] tidak, aaa serba ringkas?

NMZ: Oh, dia punya gerak

NSM: A'ah faham. (mengangguk faham)

ARH: A'ah dia punya gerak dia (mengangguk mengiyakan). Ha di situ, kita boleh katakan senjata dalam permainan, perisai, pukul dan tumbuk. Atas satu soalan tadi kan [bukan]?

(semua tersenyum dan ketawa kecil dengan pernyataan tokoh)

NMZ: A'ah atas satu soalan tadi (sambil tersenyum)

ARH: Aaa, kita bagi ca-ra kabor [beritahu] dan buat. (sambil membetulkan posisi kedudukan)

NSM: Siapa yang cipta [mencipta] pergerakan-pergerakan itu?

ARH: Ini orang dulu- dulu lah,

NSM: A'ah orang dulu-dulu. (mengiyakan)

ARH: Orang dulu-dulu, okey dia mengajar- hendak bagi sistematik itu betul. Macam Pok ini, belajar hok [yang] siap dah. Bukan pencipta itu, belajar yang siap dah. Cuma kita ini ambil mudah-- dah loni, [sekarang] sebab itu bukan kita yang hebat. Bukan kita pencipta benda itu, kita ambil hok [hak] orang. Jadi, satu saja jangan kita komersialkan benda itu untuk kita berniaga.

(mencelah)

NMZ: A'ah salah guna. (mengiyakan)

ARH: Kita ambil dengan orang *free* [percuma], kita hendak niaga [berniaga] pula. Ha jadi itu tidak betul, bagi Pok tidak betul- takboh [tidak mahu] cari makan.

NSM: Apakah tujuan penciptaan setiap pergerakan tersebut?

ARH: Dia setiap pergerakan ini- hendak beritahu bagaimana ha? Soalan-- sekali lagi.

NSM: Apakah tujuan buat [cipta] pergerakan itu, macam hendak lindung diri ke?

ARH: Ya, betul--. Okey, biar kita teori la pula ya , biar Pok teori situ [kat sana] eh, melalui perbuatan.

NSM: A'ah. (mengangguk tanda setuju)

ARH: Konsep pergerakan kita memang ada tujuan, kalau tidak ada tujuan, kita-tidak guna pergerakan. Pergerakan untuk menjaga diri ini, kalau kita kira dia ada tiga senjata, satu arah. Tiga atas, satu bawah. Contoh ha, perisai satu, tumbuk satu, penyepak [sepak]. Jadi, dia tiga senjata dalam satu arah. Perisai, pukul, penyepak dalam satu arah. Ini adalah satu menyerang, untuk kita menyerang. Tapi untuk kita mempertahankan--, kalau arah tu mari [datang], dia ada dua, ke bawah pukul, mari sini tolak. Pukul lagi,tolak. Pukul muka,naik. Jadi, dalam satu tangan, bawah, kanan, kiri dan atas. Jadi cukup empat tetapan dalam satu pintu, ini dia panggil arah satu pintu, untuk mempertahankan diri kita. Contoh orang datang tepat dekat kita, bila pukul , tumbuk. Tempis, pukul lagi tolak. Pukul muka, naik. Boleh kita pukul balik. Sebab itu lah, kita guna asas perisai, pukul, dan penyepak. Faham tidak? Itu pergerakan dia.

NSM: A'ah. (mengiyakan)

(mencelah)

NMZ: Sekejap ya. (meminta izin untuk membetulkan kamera)

(bunyi anak Pok Itam bermain kereta kawalan jauh)

NMZ: Sape [siapa] itu. (ketawa kecil)

ARH: Ada itu duk [sedang] main kereta *remote* [alat kawalan jauh].

NSM: Jadi, adakah jenis silat yang lain juga menggunakan pergerakan yang sama?

ARH: Ha, (berfikir) lebih kurang lah. Hendak kata sama itu tidak, tapi ke arah-
yang sama. Tapi dia guna taktik, cara masing-masing. Tapi hendak kata
sama itu, mungkin tidak sama. Tapi mungkin ke arah yang sama-

NMZ: Tujuan yang sama?

(mencelah)

ARH: Ha, tujuan yang sama. (mengiyakan) Dia guna kaedah dia, siku ke atau
dia guna gaya-gaya Tomoi [sejenis seni mempertahankan diri dari Siam]
ke? Apa-apa Gayung [sejenis silat] ke? Ha, kalau macam Pongok, dia
guna tagak [sejenis pergerakan dalam Silat Pongok] sahaja. Dia tiada
pukul-memukul, dia pukul ataupun tumbuk, dia tagak sahaja. Cuma
hendak kilas, maknanya hendak kunci orang itu. Ha, itu cara masing-
masing.

NMZ: A'ah masing-masing lain tapi tujuan yang sama.

(mencelah)

ARH: Betul--.

NSM: Pergerakan manakah yang paling senang dipelajari?

ARH: (batuk) Di-a kalau kita minat sesuatu benda itu ti-ada kata susah. Walaupun benda susah, akan jadi senang. Hendak cakap senang sangat pun tidak juga, kalau kita tidak tahu asas, kadang-kadang kena ajar juga. Bentuk tubuh badan, duduk macam ini [begini], pukul begini, tumbuk begini. Ada juga yang kena tunjuk begitu, tapi di zaman serba maju, rasa-rasa (berfikir) serba mudah. Jadi, tidak perlu kita hendak ambil masa yang begitu panjang, serba mudah. Sebab dulu kita tiada video, jangan kata video. Kamera pun tiada, hendak ambil gambor [tangkap gambar]. Jadi, sekarang ini kita dah ada video, kita boleh tengok, lepas itu kita boleh action, [aksi] bagaimana dia buat. Jadi, di situ jadi lebih mudah. Dah tiada apa orang cakap itu, kepayahan.

NMZ: Tiada halangan lah.

(mencelah)

NSM: Pergerakan manakah yang sering digunakan dalam membela diri dari ancaman?

ARH: Dia biasanya, macam Pok buat tadi. Dah tunjuk sudah secara *details* [terperinci]. Ha, ancaman, bagaimana hendak menyerang, bagaimana untuk mempertahankan diri.

NSM: A'ah. Yang itu jugalah guna masa [dalam] persembahan?

ARH: Oh ya masa persembahan, kita guna mengikut sistem kita lah. Kita tidak cerita bagaimana kita. Ha, ini kita buat persembahan macam ini, kita buat sekali pun, kita tidak akan cerita. Apa yang kita buat.

NSM: A'ah. (mengangguk faham)

ARH: Jadi, itu dipanggil hak rahsia. Jadi, mm-mm bila kita buat itu sebagai persembahan sahaja, tiada kena mengena rahsia?. Dia cuma perisai, tumbuk dan pukul. Itu adalah salah satu permainan dia. Lepas itu, tekan menekan. Ha atau dia panggil tekan atau lebih dikenali dengan gelek. Gelek kanan, gelek kiri ataupun tekan kanan, tekan kiri. Lepas itu, dia ada sistem-bergelut--, maknanya dalam gelut bergelut, maknanya mm-mm bukan tepis menepis, tangan dia sama bersentuh (bunyi tapak tangan tokoh yang menunjukkan aksi gelut-bergelut). Dia panggil gelut bergelut, kalau tidak bersentuh, dia tidak boleh gelut-bergelut, dia panggil tekan menekan baru. Tangan itu, maknanya dua-dua berpihak. Macam contohnya, ha ini. (tokoh menunjukan aksi bergelut mengkilas tangan pelajarnya)

NZM: Ini bergelut?

(mencelah)

ARH: Masih bertangan [bersentuh tangan]. Ha, kita kata bergelut ini berpusing. Pusing--, ini dia panggil gelut. Bila dalam gelut-gelut ini, dia kena kunci. Dia kunci. Jadi banyak cara kunci, jadi contoh lah. Jadi di situ lah, kadang-kadang kita kena ambil tahu tumbuk dengan pukul berbeza. Jangan kata pukul, pukul macam ini (menunjuk buku lima secara terlentang), tumbuk macam ini. Tumbuk pun ada dua jenis, tumbuk ini dia panggil tumbuk lentang, tumbuk ini dia panggil tumbuk lekuk. Yang ini lentang, yang ini lekuk. Jadi mm-mm, bila kita belajar, yang mana lebih berbisa pula. Yang lekuk ini atau yang lentang? Jawabnya yang lentang lagi berbisa, Yang ini lebih (tumbuk lentang) lagi dari yang ini (tumbuk lekuk). Ha sebab- kita pukul, rawan orang tadi. Orang tumbuk, nombor dua kita kena pukul. Contohnya, yang Si Usop ini tumbuk, Pok kena pukul. Ha ini kita kena pukul. Kita tidak boleh lawan dia tumbuk.

NMZ: Dia kena bertentangan. A'ah.

ARH: Dia kena pukul, pukul kat sini. (menunjuk pada buku lima tangan pelajarannya). Pang, jadi ini dipanggil buah, buah tumbuk. Ini dipanggil pukul, gabungkan dia jadi buah pukul.

NSM: Oh.

NMZ: Sebab itu lah dia panggil buah pukul.

(mencelah)

ARH: Ha gabung buah itu kena pukul. Ha, jadi buah tumbuk, tidak kata tumbuk menumbuk, tiada. Jadi tumbuk lawan dia pukul. Okey, apabila pukul ini—dia mati tumbukan dia. Mati tumbuk lawan dia pukul. Mati pukul ini pula, lawan dia tekan. Ha, tekan, tekan yang ini--(memberitahu pelajarnya)

NMZ: Yang ini tekam [tekan]?

(mencelah)

ARH: Yang ini bunuh yang ini. Tumbuk bunuh dengan pukul, pukul bunuh dengan tekan. Tekan ini pula, bunuh dengan bergelut, yang ini (sambil menunjuk cara bergelut). Kau pun tumbuk. Bergelut-- (memberi arahan kepada pelajarnya)Bergelut dia cuma main, dia tidak bagi. Yang ini hendak sampai , dia paut. Yang ini hendak sampai dekat sini, dia paut. Dia jangan bagi lari daripada tangan ini dan itu dipanggil gelut bergelut.

NSM: Mm-mm (mengangguk)

ARH: Jadi konsepnya, tidak payah [perlu] banyak kan? Sikit [Sedikit] sahaja bukan. Tumbuk lawan dia pukul, pukul lawan dia tekan, tekan lawan dia bergelut dan gelut, bergelut gelut. (semua orang di ruangan tamu ketawa gembira mendengar pernyataan dari tokoh] Lepas itu, kunci-

NSM: A'ah. Boleh tidak Pok Itam terangkan lagi cara- kunci?

ARH: Boleh-- (nada teruja), tiada masalah. Dia kebanyakan kunci ini, di dalam permainan macam buah- Ponggok. (sambil memusingkan badan ke arah pelajarnya untuk menunjukkan cara kunci) Ha, kita main dekat sini cukup. Okey eh, macam kita- Usop tumbuk, Pok pukul. Lepas itu, mung [kamu] tekan. Tekan—ini . Lepas tekan ini timbul, bergelut. Okey, bergelut--. Hendak kunci satu boleh, ikut sini boleh. (mengunci pergerakan pelajarnya dengan menahan leher menggunakan siku)

NSM: Oh, itu kunci.

ARH: Ini dipanggil ‘Kelongsong Bunga’. Ha, kalau ikut sini, dia panggil ‘Galang Galah’. Apabila si Usop ini pukul--, mari sini. Dia panggil ‘Kacang Junjung’. Banyak nama-nama dia.

NMZ: Oh, nama dia banyak hendak belajar. (ketawa kecil)

ARH: Ini salah satu kunci—yang kata sebut kunci tadi. Kunci ini, dia bukan Lian. Kunci ini, dia panggil buah Ponggok.

NSM: Oh, buah Ponggok.

ARH: Lian, kunci dia *simple* [mudah] sahaja.

NSM: A’ah. Apa dia?

ARH: Macam Lian ini, kunci dia daripada sini la. *Start* [Mula] daripada sini, tekan sini baru boleh pukul. Dia sebenarnya kena tengok dia punya kedudukan-- dan kita hendak pukul orang kena tengok kedudukan, kalau daripada depan ini susah sedikit. (sambil menepuk bahagian lengan kanan beliau] Sebab itu, kita kena ada darjah dia, dua puluh lima darjah, empat puluh lima darjah. Jadi ha, kita kena belajar benda itu serba sedikit supaya kita hendak jadi guru. Maknanya, orang-- pukul, kita boleh mengambil. Tapi kalau jumpa pukul sama pukul. Masuk, orang cakap jemba-- [temba], kau menemba, aku menemba, hendak buat guane [macam mana]? Satu temba, sorang [seorang] mundur. (Semua orang tersenyum ketawa melihat aksi temba yang dibuat oleh tokoh) Temba sama temba, ha macam itu la kita kena satu permainan khas, orang panggil ilmu tempur. Jadi, benda ini tidak perlu kita gunakan silat yang begitu banyak tarian, tarian itu cuma seni daripada adat, tapi bukan pada buah pukul. Kalau kamu hendak pukul, datang kat sini. Kalau kau berjoget kat sana, esok pun tidak boleh hendak pukul. Itu, dia panggil seni.

NMZ: Oh, seni betul. (mengangguk memahami)

ARH: Kau berjoget la dekat sana, kau buka lah silat kat mana pun. Tapi kau hendak pukul aku, kau datang kat sini. Padan dengan satu tangan, sampai la penumbuk kau. Kalau kau duduk kat situ, tidak sampai lagi. Kau tumbuk situ sahaja la. Faham tidak konsep dia? Jadi kita guna Lian ini untuk mempertahankan diri kita. Lepas itu, tidak boleh. Pantang dia ego, sombong, hendak tunjuk- kata orang ini, 'gedebe'. [samseng] Ha, hendak tunjuk samseng dokleh [tidak boleh]. Biarlah-- kamu ini mengalah daripada tunjuk begitu. Tapi bila sampai masa, kamu akan menang dalam keadaan bodo [bodoh] kamu. Yang samseng tadi itu, akan jatuh begitu sahaja.

NSM: Lepas itu, apakah pergerakan paling bahaya dalam Lian ini?

ARH: (ketawa) Mm-mm, semua bahaya sebenarnya, bahaya. Pergerakan Lian ini, dia- sebenarnya yang kita tunjuk itu, hanya mengajar. Yang kita tunjuk, sebagai tenaga pengajar. Tapi bukan kita tunjuk cara membunuh. Dia memang bahaya, dalam apa segi sekali pun, dia memang bahaya. Tapi kita tidak istilah bunuh-membunuh. Kita cuma istilah pukul memukul sahaja. Di sebalik pukul memukul pun boleh jadi macam-macam. Pecah, patoh [patah], mati.

NMZ: Mati pun ada? (terkejut)

(mencelah)

ARH: Ha, mati pun ada. Jangan buat main-main.

NSM: Lepas itu, hendak tanya pasal tahap-tahap dalam silat. Dalam Silat Lian ini ada ke tahap-tahap, peringkat-peringkat?

ARH: Okey, dia tahap itu tidak ada, cuma pelajaran pada murid itu, Lian satu. Di mana peringkat dan tahap dia satu lah, dia kena biar perfect [sempurna] peringkat satu, maksudnya Lian satu dulu, baru kita naikan ke peringkat satu lagi. Orang panggil Lian dua. Tapi tiada peringkat dua. Panggil Lian dua. Biar dia habis sampai ke sebelas Lian baru peringkat dua, orang panggil 'Buah'. Dia hendak belajar Lian satu ini, sampai ke Lian sebelas ataupun Lian dua belas, dia kena makan masa yang itu. Kalau cikgu hari itu, mm-mm kita dah tahu- dia hendak anak murid itu

biar pandai dulu Lian satu. Selagi tidak pandai, dia tidak akan naik ke Lian dua.

NMZ: Oh, dia atas [atas persetujuan] cikgu itu.

(mencelah)

ARH: A'ah. Jadi maknanya kita- leni [sekarang ini] tidak mahu la anak murid itu ketinggalan. Kamu tidak pandai, kamu ambil gambar, kamu video, (sambil ketawa kecil) kamu buat sendiri. Jadi, tidak mahu anak murid ketinggalan. Itu kata zaman hari ini, zaman serba moden, boleh tengok balik apa yang kita buat. Lepas itu, kita boleh ubah apa yang cikgu hendak. Cikgu hendak gini [macam ini] jadi dari situ lah, dia boleh pandai. Jadi maknanya tahap, peringkat dalam permainan Lian ini cuma Lian satu, dia habis. Lian- dua sampai la ke Lian sebelas., mungkin dalam tiga bulan juga.

NMZ: Oh, tiga bulan. (mengganggu memahami)

ARH: Lepas itu, baru lah kita mengajar buah, pukul memukul, gelut bergelut, tekan menekan, yang tadi eh. Ha, itu kita panggil peringkat kedua. Bila dia lulus yang itu, dengan ciri-ciri baik, tidak bohong, jujur, amanah, yang mana menghormati orang. Ha, layak jadi cikgu lah. Bukan cikgu yang jenis samseng tu eh, cikgu yang jenis taat pada permainan. Dia mengajar orang esok-esok nati pun, dia tidak suka pukul orang. Dia sebenarnya bila kita hebat, contoh lah bukan kita hebat tapi kita andaikan kita ini hebat. Pandai—lah, bila kita pandai kita tidak hendak pukul orang. Ha, kalau air bila dia penuh, dia tidak akan kocok. Tapi bila separuh dia akan kocok. Nyoknyek..nyoknyek (tokoh membuat bunyi

pergerakan air yang separuh di dalam bekas) Ha, kalau manusia begitu juga. Kalau ilmu dia belajar itu separuh, maka dia berdabit dada, muka buntang. tunjuk jalan pun samseng, pantang jumpa sedikit tersentuh bahu hendak gocoh [bergaduh]. Ha, ini dia hendak cuba kepandaian dia. Tapi bila orang itu hebat, makin lama dia makin menunduk. Macam padi lah, makin lama makin menunduk. Makin dia tua makin dia berisi. Ha, macam itu lah dia tak nak [tidak mahu] tunjuk ego dia, tidak mahu tunjuk hebat. Jadi, dia tidak mahu pukul orang lagi. Ja-di belajar ini sebenarnya bukan untuk belajar pukul orang, belajar sampai, hingga tidak mahu pukul orang. Baru lah tamat pelajaran dia itu, kelongsong orang panggil.

NMZ: Dengan cara yang betul?

(mencelah)

ARH: Hmm. (mengiyakan)

NSM: Lepas itu, apakah pergerakan yang dipelajari setiap Lian itu, macam Lian satu belajar apa, Lian dua belajar apa, pergerakan dia sama ke?

ARH: Tidak-- , lebi-h kurang tapi tidak sama. Lebih—kurang. Ha, cuba bangun mulo [semula] Usop, beritahu buat begitu. Yang ini Lian satu, ha yang ini Lian dua, seperti itu juga. Begitu juga, tidak payah gelek-gelek.
(memberi arahan kepada pelajarnya untuk menunjukkan serba sedikit pelajaran dalam Lian)

Pelajar: Depan [Hadapan] sahaja?

ARH: A'ah hadapan sahaja. Ha, ini dia panggil Lian satu. Straight [Lurus] balik. Nombor dua, Lian dua. (bunyi pukulan tangan dalam gerak Lian) Ha, itu Lian dua, beza tidak? Tidak beza bukan, sikit sahaja kaki bukan? Nombor tiga.

Pelajar: Nombor tiga?

ARH: Ha. Okey, nombor empat, sedikit sahaja. Nombor lima. Nombor enam. Tarik. Nombor tujuh, lagi. Ha, itu pergerakan dia. Ha, buat lagi Usop. Sembilan ke sepuluh ke?

Pelajar: Buat lapan?

ARH: Sepuluh. Kiri kanan dekat mula dia. Sebelas. Contoh-- cuba buat Lian satu *round* [pusingan] empat.

NMZ: Satu pusingan empat?

(mencelah)

ARH: Ha, ini kiri kanan. Buat nombor dua. Nombor tiga, Usop. Nombor lima Okey, habis. Okey, ini lima Lian, satu Lian dia kena pusingan empat juga.

NSM&NMZ: Oh. (mengangguk faham)

ARH: Baru kira sempurna. Lian satu, buat Lian satu sampai empat pusingan. Empat tetapan, biar sampai empat tetapan. Baru cukup. Ha, dan Lian dua buat empat tetapan juga. Empat tetapan maksud Pok depan, kiri, belakang, kanan, depan balik. Jadi, kalau lima Lian, lima pusingan lah.

NMZ: Li-ma Lian, lima kejap apa? [tertanya-tanya dengan perkataan yang disebut tokoh]

(mencelah)

ARH: Empat kali lima dua puluh. 20 puluh pusingan.

NMZ: 20- pusingan? (terkejut)

ARH: A'ah 20 pusingan. Satu dua pusingan, dua empat pusingan juga. Empat kali lima, dua puluh.

NSM: Banyaknya.

ARH: (ketawa). Dua orang baru ini.

Pelajar: A'ah itu la baru dua orang ini. Kalau mari ramai lagi, demam kita.
(semua ketawa mendengar penyataan dari pelajar Pok Itam)

(mencelah)

Perbualan terhenti sekejap, ada tetamu datang ke rumah tokoh menghantar barang. Pelajar tokoh mula bersembang dengan penyelidik tentang temubual yang dijalankan bersama tokoh.

(Pelajar tokoh, Yusof mempelawa untuk makan keropok)

Pelajar: Memang panjang la buat? (bertanyakan tentang jangka masa temubual bersama tokoh)

NSM&NMZ: A'ah. (mengiyakan)

NMZ: Dia sepatutnya dua jam.

Pelajar: Lepas itu di-a. Dua jam?

NSM: A'ah.

Pelajar: Ke-na itu la, cekap la?

NMZ: A'ah, itu la.

ARH: Eh, makan la kepok [keropok] itu. Nama apa dah Su-riani? Apa dah?

NMZ: Syazwani.

NSM: (ketawa) Eh, wani. (sambil makan keropok)

ARH: Wani? Suriani?

NSM: Eh, Syazwani.

ARH: Okey, Yasin bin Yunus dengan Awang Daik atau panggil Awang bin Ali, dua- dua ini satu guru daripada Syed Abdul Rahman. Tapi, aliran pembawa ini berbeza sedikit sebab Pok Long Mat Yasin ataupun Yasin bin Yunus ini, dia banyak ke arah Silat Sendeng dan Awang Daik ini banyak ke arah Silat Sunting. Jadi, dalam itu dia gabungkan dalam satu permainan itu, satu sampai sebelas digabungkan. Ada Sendeng, ada Sunting, ada Lian. Ha, itu dipanggil Awang Daik. Kalau Pok Long Mat Yasin ini, dia panggil Lian dia sampai Lian 12. Yang ini Lian 1. Lian 12 ini dipanggil Lian Cindai.

NSM: Lian Cindai?

ARH: A'ah. Lian kain (melembarkan tangan) Jadi, Lian Pok Long Mat Yasin ini, Pok Long Mat Yasin kita panggil, dia nama Yasin bin Yunus. Satu perguruan-- dengan Awang Daik, maknanya Awang bin Ali itu tadi. Guru dia sama, Syed Abdul Rahman. Tapi aliran dia guru sama-sama dia ajar, yang ini silat yang ini. Macam Pok ini belajar dua-dua aliran itu, dengan Awang Daik, Pok belajar. Dengan Pok Long Mat Yasin pun Pok belajar.

NMZ: Dua- dua belajar?

(mencelah)

ARH: A'ah dua-dua Pok belajar. Jadi, dua-dua Pok bawa. Maknanya kalau budaya Lian itu, memang dua-dua la Pok ada.

NSM: Lepas itu, dia kena belajar habis la dari Lian satu ke Lian sebelas?

ARH: A'ah guru silat. Okey, (berdehem) guru silat sebenarnya, betul lah macam tanya sakni [tadi], soalan itu betul. Kalau tidak habis macam mana boleh jadi cikgu.

NMZ: A'ah, hendak ajar orang lagi.

(mencelah)

ARH: A'ah. Jadi dia bukan habis, habis belajar. Habis pengetahuan lagi, yang di sebaliknya, kataka-n. (mengambil kertas dia atas meja) Mm-mm kita baca yang atas ini eh, kita kena habis lagi yang bawah ini. (menunjukkan bahagian belakang kertas) Cuma kita tidak boleh balik [terbalikkan kertas] sahaja. Asal yang atas mari [datang] daripada bawah. Daripada yang zahir, barang yang tiada—datangnya ada. Jadi, begitulah kalau hendak jadi guru Lian ini dia kena faham sedikit, setakat mana yang kita mampu. Lebih-- tiada apa pun yang lebih, tiada pun dia kata, dia itu lebih, Si Dollah itu lebih. Tiada-tiada, sebab dia pinjam sahaja kuasa sekejap kat dia.

NSM: A'ah betul. (mengiyakan)

NMZ: Lepas itu, hendak tanya pasal cabaran dalam seni silat, cabaran masa [ketika] hendak belajar itu?

ARH: Dia-- hendak belajar bukan? Okey, hendak belajar. Dia jangan ada perasaan malu kepada *senior* [pesilat yang berpengalaman] yang ada

dalam itu. Kita orang baru bukan, bila kita hendak sesuaikan diri kita itu, rasa macam memek muka kita pun, tidak reti hendak senyum ke, hendak marah ke. Jangan malu, buat tidak tahu [hiraukan] sahaja. Mm-mm itu satu cabaran lah hendak belajar Lian. Kedua, kita kena jujur dengan apa yang diberitahu cikgu, kena jujur. Lepas itu, kita jangan cakap banyak [banyak cakap], biar penerangan itu daripada cikgu. Kita takyah [tidak perlu] tanya macam ini, macam itu, tidak perlu—kita diam sahaja. Maknanya, bila [apabila] kita diam, kerja kita banyak. Kita ikut sahaja arahan, kita jangan protes. Apabila sampai satu tahap, baru lah kita tanya kenapa macam ini cikgu—baru lah kita hendak tanya sebab apa benda ini ada. Jadi kalau cikgu pun tidak belajar kenapa macam itu, kenapa macam ini, dia tidak layak menjadi cikgu.

NSM: Oh. Betul la itu.

NMZ: A'ah betul. *At least* [sekurang-kurangnya] kena belajar daripada..

(mencelah)

ARH: Ya bukan. Jadi kita pun kata cikgu cap ayam ini. Haa. (batuk sambil membetulkan kedudukan)

NMZ: Cabaran semasa mengajar silat pulok [pula]?

ARH: Okey, masa kita hendak mengajar silat ini, sebenarnya dia kalau mengikut aa, di-- ada adat, budaya dulu lah. Bukan kata benda ini wajib lah tapi adat, budaya yang belajar dulu [dipelajari dahulu]. Bawa limau 3 biji, limau itu sebenarnya untuk potong limau itu. Lepas itu, potong limau itu

hendak tengok pula, kejujuran tahap anak murid dia itu. Orang panggil Potong Limau tahu?

NMZ: Potong Limau itu ada simbolik apa-apa ke?

ARH: A'ah dia ada lah baca-baca. Tapi, tidak perlu dibaca bukan?
(ketawa kecil)

NMZ: A'ah. Okey. (mengangguk faham)

ARH: Okey, dia potong limau, dia hendak tengok buah limau yang jatuh bukan. Kulit itu yang jatuh, adakah ia terlentang dan adakah ia terlekup [terlungkup]. Dia kalau tiga biji, bermakna enam-- kali kulit [hiris kulit]. (sambil menunjukkan cara menghiris limau) Jadi kalau kulit itu banyak yang terlentang, daripada terlungkup. Yang terlentang itu banyak dapat menadahkan ilmu. Jadi orang ini banyak mencurahkan ilmu, tidak derhaka ke [dengan] cikgu. Kalau banyak yang terlungkup ini, tok soh ajor [tidak perlu ajar] la dia kata. Haa, yang derhaka dengan cikgu. Jadi, baik itu konsep dia. Tapi apa kata hukum, kalau kita percaya kepada limau, di mana kuasa Allah. Jadi syirik la kita percaya ke limau, jadi Pok buang yang itu. Haa, ada benda itu dan belajar tapi buang benda itu. Jadi kita ambil benda yang ada dalam Nukil, benda itu ada dalam Nukil.

NMZ: Nukil? Oh yang ini.

ARH: Ha, ini Nukil. (menunjukkan buku panduan yang dipelajari tokoh) Ini Nukil yang Pok belajar, 'Nukil dan Syarat'. Yang belajar Lian dalam-- ini belaka, semua-- untuk Lian belaka ini. Okey, dalam ini tidak perlu belah limau., kita dah tau kehadiran murid itu, molek ke dok [elok ke tidak]. Jadi maknanya kita minta dengan Allah, beri petunjuk. Tidak

payah minta ilmu apa, cuma berdoa dalam hati “Ya Allah, berikan lah aku petunjuk, di atas kejujuran atau tidak”. Contoh Pok tunjuk ya. Mari Usop tunjuk, ini anak murid baru. Jadi Pok suruh dia pukul Pok, hendak tengok dia. Dia pun pukul, jadi Pok acah dan dia masih diam. Boleh terima. Tapi kalau Pok acah, dia tepis. Tidak boleh hendak ajar, sebab dia tidak ikhlas.(membuat demonstrasi menguji kejujuran pelajarnya untuk belajar silat)

NMZ: Oh, daripada situ dia boleh nampak?

ARH: A’ah daripada situ, kita sudah boleh nampak. Kalau dia sebagai murid yang jujur, kita letak dia tahan lagi. Sebab diri dia ingin belajar, buat hendak buat macam mana pun. Baru lah nampak kejujuran dia. Konsep dia senang sahaja, tidak payah limau-limau itu.

NMZ: Tidak ada benda-benda..

ARH: Tidak ada--, haha (ketawa) itu limau mengarut sahaja.

NMZ: Kalau cabaran dari segi persembahan pula?

ARH: Cabaran dia buat masa ini, tiada banyak sangat. Cuma cabaran pa-da kumpulan masing-masing sahaja lah. Kita jangan ada riak untuk hendak me-nandingi orang itu lebih daripada kita, kita cuba untuk menandingi dia ataupun orang itu lemah daripada kita, kita cuba hendak keji dia, jangan. (memberi isyarat tanda jangan) Jadi untuk buat persembahan, cuma dalam group [kumpulan] kita sahaja lah, macam masalah. Yang itu tidak sihat, tiada- (ketawa). Ha, begitu sahaja

lah. Jadi kita pesan kepada anak buah kita, kita tiada hendak memperburukkan mana-mana pasukan lain dan kita tiada hendak memuji-mujikan pada kelebihan permainan lain, dan kita tidak menghinakan permainan yang lemah-lemah. Jadi, kita tahu yang kita sahaja. ‘Doh mung bakpe [Dah kamu kenapa] tidak pakai tali pinggang lagi ini’, (mengajuk) jadi yang ini dalaman lah, cabaran itu tiada.

NMZ: Kalau daripada segi kewangan pula?

ARH: Kalau dari segi kewangan, macam begini la ya. Macam kita tiada sumber yang masuk, cuma macam ini lah. Bila kita pergi buat persembahan dekat kenduri kahwin, orang kenduri kahwin itu bagi duit kat kita. Jadi kita pun simpan, kita tidak belanja duit itu, kita simpan. Kalau boleh seratus ke dua ratus ke tiga ratus, kita simpan. Kalau lima kali ke da-lam sebulan atau dua kali dalam sebulan, duit itu dia beranak. Jadi kalau kita hendak pergi ke tempat lain, kita gunalah duit itu.

NMZ: Oh, ambil sumber daripada itu?

ARH: Ha, ambil duit itu. Kita latih sudah seorang, jadi mm-mm macam bendahari yang pegang duit. Kita ada catat buku bank, ada kira-kira semua itu.

NMZ: Boleh Pok Itam ceritakan pengalaman pahit semasa mm-mm menyertai seni silat?

ARH: Dia sebenarnya pengalaman pahit itu tiada, cuma Pok Itam terasa sahaja lah, pengalaman pahit itu tiada. Yang terasa terhina ini, pengalaman apa

orang panggil ini eh, depan baik eh, peluk-peluk. Orang bersalam biasa la tidak? Peluk-peluk, lepas sahaja kita peluk-peluk dengan dia. Dia kutuk kita laluh [lepas itu]. Jadi yang kita dapat tahu macam mana? Ada lagi kawan kita yang sebelah bagitahu. ‘Mm-mm lain kali kau jangan peluk dengan dia lah. Kau tiada sekejap sahaja, dia kutuk kau.’ Ha, ini bagi Pok Itam pengalaman pahit. Kita tidak tahu orang benci dekat kita, esok kita jumpa dia pula. Jadi dia bermuka-muka, kita ikhlas. Ha, dia bermuka-muka. ‘Pok Itam minum air’, padahal dia bukan ini, dia keji kita tapi semalam dia hina dekat aku. Tapi kita tahu pasal dia tegur kita. Jadi ini pengalaman yang susah kita hendak ambil tahu, orang panggil benci dalam diam. Ha, ini paling bahaya. (ketawa)

NMZ: A’ah depan baik. (ketawa). Ada persepsi masyarakat yang menganggap silat ini guna ilmu syirik [sihir]. Ha, ilmu sihir dan unsur-unsur khurafat.

ARH: Ilmu sihir, ilmu khurafat. Okey-- betul.

NMZ: Apa pendapat Pok Itam pasal itu?

ARH: Ada sebahagian guru, dia masih ada lagi yang guna benda-benda khurafat begini. Tapi pada hari ini, kita tidak guna sudah. Daripada dulu lagi kita belajar, kita tidak guna sudah. Macam belah limau tadi itu bukan, kita pun tolak sudah. Walaupun kita ada belajar ilmu itu, kita tolak dan tidak guna [menggunakkannya] sudah. Tentang ilmu buka gelanggang, kita hendak bagi salam kepada laut, darat, gunung apa, tiada. Kita tiada langit tiada apa. Kita cuma Al-fatihah, selawat kepada rasul. Itu sahaja yang kita belajar dengan cikgu kita. Maknanya kita bertawassur kepada sahabat-sahabat rasul, para-para wali. Lepas itu, kita serah kepada Al-fatihah dan Rasulullah. Itu sahaja, kita tiada mana-mana khurafat.

NMZ: Apa pendapat Pok Itam pasal, macam silat ini boleh membentuk disiplin dir seseorang?

ARH: Ha, ya betul. Silat ini sebenarnya kita kena jati diri, sekurang-kurangnya orang kata belum ada tali, kita dapat guna akar. Ha sekurang-kurangnya, kita dapat bela diri kita sendiri walaupun tidak dapat untuk bela orang lain. Jadi maknanya untuk silat ini lebih-- baik daripada kita merayap tidak tahu hujung pangkal. Maknanya zaman hari ini dengan rempit, dengan naik motor laju, dengan berfoya-foya. Jadi benda ini merugikan masa pada masyarakat. Jadi pada masyarakat ini pula, dia tidak lah kata bahawa silat itu dengan pakai mentera ke apa, semua itu tidak ada. Sebab tiada ilmu pun kita bagi dekat anak murid kita, cuma kita belajar benda tu adalah jasmani dan bukan kita bagi rohani. Bila dia tamat, jasmani rohani itu terpulang kepada dia. Satu amalan khas untuk dia. Jadi bagi Pok Itam, lebih kepada dorongan jasmani untuk jati diri kita. Tiada apa-apa..

NMZ: Lepas itu, silat ini bukan jarang mendapat sambutan daripada orang bukan Melayu. Apa pendapat mm-mm Pok Itam?

ARH: Di-a sebenarnya bagus. Bagi, kadang-kadang itu satu budaya kita rasa boleh dibanggakan. Sebab apa, Mat-Mat Salleh [Orang Putih] pun ataupun luar daripada, tidak kira lah datang hendak belajar budaya Melayu. Jadi bila kita tengok, walaupun dia belajar budaya itu, bukan budaya kita. Tapi asalnya milik Melayu, jadi kita dapatlah tumpang bangga-- dengan budaya Melayu kita ini. Yang saya tidak berapa suka sedikit ini. Orang Melayu pergi belajar benda-benda yang..

NMZ: Benda lain..

ARH: Ya, lepas itu buat balik. Jadi dia idolakan benda itu, jadi saya rasa tidak bagus la benda ini. Ini bukan budaya kita ini.

NMZ: Sebab seni warisan silat ini daripada Melayu juga.

ARH: A'ah. (mengangguk) Bila orang lain belajar, kita tumpang rasa bangga sebab budaya kita. Jadi begitu lah.

NMZ: Satu la-gi, apa pendapat Pok Itam pasal Silat Melayu ini banyak disalahgunakan untuk kepentingan diri sendiri?

ARH: Ha, macam Pok Itam cakap tadi. Dia hendak banyak komisyen, hendak banyak jadi orang kata apa nama dia ini..

NMZ: Terkenal?

(mencelah)

ARH: Ha, terkenal, nama. Lepas itu, bisnes. Jadi, yang ini bagi Pok Itam memang salah satu silat yang tidak bagus, tidak bagus. Bukan dia hendak iklankan sangat, cuma dia hendak dapat komisyen, dapatkan nama. Benda yang dikejar itu dapat, maknanya tidak kira lah sebut kata sekolah ini, 'Wah memang hebat dia ini, ramai anak murid dia ini', tapi kalau tanya orang lain pulak. 'Kau tengok sekolah ini bagus ke tidak', 'Tidak bagus'. Tapi dia layak ke jual permainan? Tidak layak. Jadi dari situ lah

kita kata, tiada yang kita boleh hendak tunjuk lebih-lebih. Jadi sekadar yang kita mampu, kalau tiada duit untuk buat bisnes, kau buat sahaja lah. Tapi tidak comei [elok] la benda itu.

NMZ: Okey last [terakhir], apa harapan Pok Itam untuk silat ini, untuk masa hadapan?

ARH: Ha, begini. Silat ini orang kata ja-ngan lapuk dek hujan. Walau macam mana sekali pun sudah pupus oleh generasi dulu, generasi baru ini akan lebih memelihara lagi permainan itu. Masih ada lagi dan terus berkembang, jadi jangan pupus dan berkembang.

NMZ: Lepas itu, ada tidak agensi ataupun mana- mana yang memberi sumbangan untuk kelas Pok Itam?

ARH: Buat pada masa ini tiada apa-apa. Ha, cuma macam Pok cakap tadi, macam kita pergi dekat silat kahwin [kenduri kahwin] Lepas itu, kalau kita hendak keluar daripada ini, ada la Yb-Yb itu bagi kita, kalau kita pergi minta. Ada la yang memberi, lepas itu kalau dulu ada lah *sponsor* [penaja] bagi. Ha, jadi buat masa ini, bulan tiga tidak? Covid bulan berapa?

NMZ: Ha, bulan tiga, bulan empat.

ARH: Bulan empat. Ha, mula daripada situ jeng. Jeng [*Jammed*] dokleh [tidak boleh] hendak pergi mana-mana. Ha, sampai ke sekarang (ketawa)

NMZ: Tidak boleh hendak gerak ke mana-mana.

ARH: Ha, tidak boleh hendak pergi man-mana. Dekat sini okay, dekat tempat lain pula masalah. Jadi timbul belaka, itu la tidak boleh hendak pergi mana-mana.

NMZ: Lepas itu terakhir, hendak tanya pendapat Pok Itam pasal kepentingan silat ini untuk negara?

ARH: Kepentingan silat ini, kalau ada generasi yang lebih berminat. Dia boleh jadikan sukan untuk Negara. Jadi, belajar silat ini tidak kira lah di mana sekali pun. Tapi bagi kita, silat ini adalah kepentingan, terutamanya untuk jasmani. Kedua, boleh juga menyihatkan tubuh badan kita. Bukan kita hendak cari lawan, kita hendak mengelak diri daripada kita terkena daripada perbuatan yang orang ka-ta jaga diri. Itu sahaja, bukan kita cuma hendak memukul orang, cari gaduh dengan orang, tidak. Cuma kita hendak *cover* [lindungi] diri kita sahaja. Ha, jadi sepatutnya perempuan atau lelaki kena tahu lindung diri. Paling-paling tiada punsebelum kita boleh jumpa orang lain. Sekurang-kurangnya, ragut, kita hendak tahu kes ragut. Ha, sekarang kes rogol, kita hendak tahu kes rogol. Bagaiman kita hendak mengelakkan diri kit daripada kena rogol. Bagaiman kita hendak mengelak, daripada situ kita kena belajar begitu sahaja. Bukan kita hendak belajar pukul orang. Ini yang paling penting untuk jati diri kita. Yang patut ada, macam-macam awak semua ini. Dia silat ini bukan nanti benda itu, macam aksi tarian, bukan-bukan. Di-a dalam permainan lembut, perempuan ini jenis kata satu permainan lembut, tarian lembut tapi pukulan dia keras. Macam satu jenis permainan cina, Tai-chi-- tahu tidak?

NMZ: A'ah (mengangguk)

ARH: Macam Tai-chi, dia lembut sahaja (tokoh menglonglaikan tangannya). Tapi pukulan dia padu. D-ia boleh *protect body* [melindungi badan] kita, kita hendak belajar silat ini. Kebanyakan kepada perempuan, dia kena ada melindungi badan--. Sasaran-sasaran yang lelaki perlu, di situ kita kena jaga. Macam lelaki tidak perlu muka kita, tidak perlu tumbuk kita. Tempat lain, di situ kita kena belajar. Jadi benda ini bukanlah wajib, tapi untuk hari ini sekurang-kurangnya kita kena ada. Ha, orang panggil selangkah dua lah. (ketawa)

NMZ: Untuk pertahankan diri.

ARH: Ha, untuk pertahankan diri.

NMZ: Sekolah rendah dahulu, Pok Itam sekolah dekat mana?

ARH: Seko-lah Lelaki, Dungun. Sekolah Kebangsaan Lelaki [Sekolah Melayu Laki-Laki Dungun].

NSM: Lelaki, Dungun?

ARH: Ha, Dungun.

NMZ: Lelaki sahaja ke dekat situ? (ketawa)

ARH: Ha, lelaki sahaja. Tiada perempuan (ketawa). Dan masa itu, ada sekolah perempuan, ha sekolah lelaki. Sekolah Melayu Perempuan Dungun. Sekolah Melayu Laki-Laki Dungun. Ha. Masa itu ada, jadi sekolah kita tiada perempuan cuma teacher [guru] sahaja la. (tersenyum)

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang Seni Silat Lian Bersama Encik Ann Rosly bin Hamzah. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Seni Silat Lian kepada penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

7.0 LOG TEMUBUAL

Ringkasan temubual bersama tokoh Encik Ann Rosly bin Hamzah, guru silat di Kemaman, Terengganu telah direkodkan seperti jadual di bawah. Berikut adalah segala maklumat peribadi, latar belakang keluarga dan ibu bapa tokoh, pengalaman, tahap-tahap dalam Silat Lian dan cabaran sepanjang beliau menyertai dunia seni persilatan.

Minit	Maklumat	Catatan	Huraian
00:00:01- 00:03:25	Latar belakang tokoh	Tokoh menerangkan tentang latar belakang beliau, antaranya nama, umur, dan tempat lahir.	• Ann Rosly bin Hamzah • Pok Itam • 62 tahun • Anak pertama • Berasal dari Kg. Tanjung, Kuala Terengganu • Dibesarkan di Dungun • Menetap di Kemaman
00:03:26- 00:04:54	Latar belakang ibu bapa tokoh	Tokoh menerangkan tentang latar belakang ibu bapa beliau, nama ibu bapa dan keadaan semasa mereka.	• Hasmah @ Fatimah binti Ali • 81 tahun • Strok • Berasal dari Kg. Tanjung , Terengganu

			• Anak sulung daripada 6 adik beradik • Hamzah bin Mohd Yusof • Meninggal
00:04:57-00:07:17	Latar belakang keluarga tokoh	Tokoh menceritakan tentang latar belakang keluarga, antaranya nama isteri, tahun mula berumah tangga dengan isteri, bilangan dan pendidikan anak tokoh.	• Mula kahwin pada tahun 1985 • 6 orang anak, 4 lelaki dan 2 perempuan • 2 ijazah, 3 diploma dan seorang masih belajar di sekolah vokasional • Nor Hashimah binti Ismail • Suri rumah tangga • Menjual nasi lemak
00:07:29-00:18:15	Pengalaman tokoh ketika menuntut seni silat	Tokoh menjelaskan tentang pengalaman beliau dengan seni silat, bermula dari awal penglibatan sehingga sekarang.	• Mula berminat dengan silat ketika sekolah rendah. • Dungun

			• Kuala Terengganu - Arwah Tok Ki • Silat Aliran Buah Pukul, Silat Gayung, Silat Pongok • Silat Lian (1976)- 3 tahun • Mersing, Johor -8 tahun
00:18:25-00:31:39	Pengalaman tokoh sebagai guru silat	Tokoh menceritakan tentang pengalaman yang perlu ditempuhi beliau untuk menjadi guru silat dan kronologi sebelum beliau dinobatkan sebagai seorang guru silat.	• Cheneh, Terengganu • Gebeng, Kuantan • Ibok, Terengganu • Kg Besut, Terengganu • Gong Pauh, Terengganu • Lebih 100 pelajar
00:31:41-00:34:47	Sejarah perkembangan silat	Tokoh menerangkan tentang sejarah perkembangan seni Silat Lian dan bagaimana ia mula terbentuk serta siapakah pengasasnya.	• Mersing, Johor • Syed Abdul Rahman Yunani • Awang Daik

			• Pak Long Muhammad Yasin Yunus
00:37:49- 00:47:07	Jenis-jenis silat	Tokoh menjelaskan tentang silat- silat yang diketahui dan dipelajari beliau sepanjang menyertai dunia persilatan serta perbezaan bagi setiap silat itu.	• Silat Lincah, Silat Minangkabau • Silat dan pencak silat • Buah (pukul) • Bunga (seni)
00:47:11- 00:51:36	Pemakaian dalam silat	Tokoh menerangkan bahawa dal seni Silat Lian ini, tiada pakaian spesifik yang perlu dipakai ketika latihan ataupun pertandingan.	• Busana (songket) • Tanjak • Keris
00:53:42- 00:53:58	Syarat minimum silat	Tokoh menjelaskan bahawa untuk menyertai seni Silat Lian ini tidak memerlukan syarat, terutamanya dari segi umur.	• Tiada syarat dari segi umur
00:54:00- 1:11:47	Pergerakan dalam Silat Lian	Tokoh menerangkan dan membuat demonstrasi tentang antara pergerakan-pergerakan yang dipelajari dalam Silat Lian.	• Gerak Lima • Pukul • Perisai • Tumbuk • Penyepak • Bergelut • Kunci • Ilmu tempur

			• Pukul- memukul
1:11:52- 1:22:30	Tahap-tahap dalam silat	Tokoh menjelaskan tentang tahap-tahap dalam Silat Lian yang perlu perlu khatam untuk menjadi seorang yang amatur.	• Lian 1- Lian 11 @ Lian 12 • Buah pukul
1:22:34- 1:35:57	Cabaran	Tokoh menceritakan cabaran yang dihadapi beliau sepanjang menyertai seni silat, antaranya dari segi pembelajaran, pengajaran, kewangan dan juga masyarakat.	• Kejujuran & keberanian • Perspektif masyarakat amalan syirik • ‘Belah limau’ • Disiplin diri • Salah guna untuk kepentingan diri
1:35:51- 1:38:22	Kepentingan seni silat	Tokoh menjelaskan bahawa seni silat ini dipelihara kerana ia amat penting untuk negara dan diri.	• Sukan untuk negara • Jasmani • Sihat tubuh badan • Pertahankan diri

8.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, seni pertahanan diri silat adalah penting untuk diamalkan dalam kehidupan masyarakat kerana ia dianggap sebagai benteng untuk menepis ancaman. Berdasarkan kajian ini, terdapat banyak sejarah dan maklumat yang boleh dikupas dan dipelajari seperti sejarah lama silat, jenis-jenis silat, langkah-langkah silat, perbezaan silat, pengalaman tokoh sepanjang bergiat dalam seni pertahanan diri ini, cabaran yang dialami dan lain-lain. Seni pertahanan diri silat bukan sahaja boleh disertai oleh bangsa Melayu, namun boleh disertai oleh bangsa lain juga. Silat juga bukan terbuka kepada golongan dewasa namun ia juga terbuka kepada golongan kanak-kanak dan lebih digalakkan untuk mempelajari seni mempertahankan diri ini sejak berusia dari muda. Hal ini demikian kerana, serangan dan ancaman tidak menimpa kepada spesifik golongan sahaja. Jadi, dengan temubual ini, kami sebagai penyelidik berharap agar hasil temubual ini dapat menambah pengetahuan terhadap pembaca dan penyelidik lain yang akan datang.

9.0 RALAT

Dalam temubual ini terdapa beberapa gangguan seperti:

- Bunyi kicauan burung belaan tokoh
- Bunyi kenderaan
- Bunyi anak tokoh bermain kereta mainan

10.0 GLOSARI

Commision- perkataan bahasa melayunya, komisen yang bererti wang upah atau bayaran yang dibayar kepada seseorang.

Forward- perkataan bahasa inggeris yang memberi maksud menghantar, mengirimkan

Gelut- bergelut peluk-memeluk dan guling menggulingkan (sama ada berkelahi atau dalam permainan, bergomol.

Gelek- mengerakkan badan ke kiri dan ke kanan berganti-ganti, melenggokkan badan, mencondongkan badan ke samping untuk mengelakkan pukulan.

Gopoh- cepat-cepat dalam melakukan sesuatu, tergesa-gesa, terburu-buru.

Jasmani- mengenai badan atau tubuh, atau benda (yang merupakan lawan kepada rohani)

Khurafat- kepercayaan yang karut, dongeng, tahyul dan kata-katanya itu banyak bercanggah dengan agama.

Mantera- kata atau ayat yang apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa ghaib, jampi.

Rohani- falsafah kebendaan yang tidak mengakui ketuhanan dan perkara-perkara yang lain daripada kebendaan, yang berkaitan dengan jiwa.

Syif- kumpulan yang berkerja bergilir-gilir dengan kumpulan lain, tempoh yang dijadualkan.

Syirik- perbuatan yang menyekutukan Allah S.W.T. dan percaya adanya kuasa ghaib selain Allah.

Taktik- taktik cara atau kaedah untuk memperoleh, mencapai, atau mendapatkan sesuatu tujuan yang dikehendaki, muslihat.

Tanjak- kain yang diikat pada bahagian kepala yang juga dikenali sebagai tengkolok.

Teori- pendapat yang dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara, prinsip-prinsip am atau asas -asas kasar menjadi dasar pembentukan sesuatu pengetahuan.

Tepis- menolak pukulan, mengelak serangan dengan tangan, menangkis.

Zahir- yang kelihatan di luar, nyata, tampak dari luar.

11.0 INDEKS

A

Ajaran

Aliran

Awang Daik

B

Bidang

Belah limau

Bergelut

Buah

Bunga

Busana

Boxing Siam

C

Cekap

Cheneh

Covid

Cu Aman

D

Disiplin

Dungun

F

Facebook

Formal

G

Gayung

Gayung Pulut

Gerak Lima

H

Harimau

I

Ilmu tempur

J

Jasmani

Judo

Johor

K

Kacang Junjung

Kain

Karate

Kayu

Kemaman

Keris

Kunci

Khurafat

L

Langkah

Lian

Lok

M

Mersing

Minimum

P

Pantang larang

Pencak

Peringkat

Perisai

Pukul

Pintu

Pongok

R

Rohani

S

Seni Silat Lian

Silat

Silat Lincih

Silat Minangkabau

Silat Pagar Ruyong

Silat Sendeng

Songket

Syarat

T

Tahap

Tali pinggang

Taekwondo

Tanjak

Tari

Tekan

Tomoi

Tongkat

Tumbuk

Y

Yunnan

12.0 RUJUKAN

- Addin Asyraf (2015, Mac 13). Seni Silat Melayu. Diakses pada November 11, dari <http://addinasyraff.blogspot.com/2015/03/>
- Aznah Azman. (2010, Ogos 28). Fahami Warisan Seni Persilatan. Diakses pada November 2, dari <http://budaya21.blogspot.com/2010/?m=1>
- Geraklian Buah Pukul. (2012). Silat Lian. Diakses Januari 12, dari <http://geraklian.blogspot.com/>
- Grave, C. A. M. (2005, Jun). Satu kajian tentang reka corak tembikar baba dan nyonya pulau pinang. Diakses pada November 7, dari http://eprints.usm.my/35436/1/GRACE_CHOONG_AI_MAY_%28KHK%29_%28NN24%29.pdf
- Hafez. (2012, April 15). Simboliknya bunga dalam silat Melayu. Diakses pada Januari 17, dari <http://hafez-akuseorangmelayu.blogspot.com/2012/04/simboliknya-bunga-dalam-silat-melayu.html>
- Imran Azmi. (2007, Disember 11). Perbezaan pencak dan silat. Diakses pada November 11, dari <http://universitisilat.blogspot.com/2007/12/perbezaan-pencak-dan-silat.html>
- Izham Nayan (2017, Februari 5) . Sejarah Silat dan Manfaatnya. Diakses pada November 12, dari <http://izhamnayan.blogspot.com/2017/02/sejarah-silat-dan-manfaatnya.html>
- Kembara Sang Purba. (2012). Sejarah Buah Pukul Melayu-LIAN. Diakses pada Januari 13, dari <https://kembaramelayu13.blogspot.com/2019/02/sejarah-buah-pukul-melayu-lian.html>

- Khairul Azizi (2016, April 22). Kungfu Wing Chun dan Seni Silat Lian Padukan membawa kepada satu titik persamaan. Diakses pada Januari 17, dari <https://www.thevocket.com/kungfu-wing-chun-silat-lian-padukan-persamaan/>
- Lokman Yusoff (2012, Oktober 4). Silat Lian. Diakses pada Januari 17, dari <https://ar-ar.facebook.com/notes/persaudaraan-silat-melayu-persim/silat-lian/302834086490001/>
- Mohammad Azwan. (2014, Mac 25). Silat warisan tamadun Melayu. Diakses pada November 2, dari <http://annajiheen.blogspot.com/2014/03/silat-warisan-tamadun-melayu.html>
- Muallij Azeri. (2019, Julai 11). Seni silat tak ikut syariat Islam, satu pengalaman merawat pengamal silat ini. Diakses pada November 23, dari <https://rawatanislamdm-tpg.blogspot.com/2019/07/seni-silat-tak-ikut-syariat-islamsatu.html>
- Naim Osman (2004, Oktober 12). Jenis-jenis seni silat di Malaysia. Diakses pada November 14, dari <https://anime4nz.blogspot.com/2015/10/jenis-jenis-seni-silat-di-malaysia.html>
- Nora Aniza (2011, Oktober 2). Seni Silat Melayu. Diakses pada November 11, dari <http://noraaniza.blogspot.com/2011/10/seni-silat-melayu.html>
- Portal Penggerak Komuniti Seni Beladiri. (2019). Pengenalan Silat dan Cabangmya. Diakses November 14, 2020 dari http://www.mymartialarts.nas.my/index.php?route=news/article&news_id=93

Samsul Ariffin (2019, Jun 27). Bunga silat? Kenapa perlu ada bunga silat. Diakses pada Januari 17, dari

<https://www.facebook.com/GerakPanglimaFanpage/posts/bunga-silat-kenapa-perlu-ada-bunga-silat-ha-baca-cerita-ni-smpai-habis-kenapa-da/1103768003140519/>

Satoru, T. (2004). Perubahan peranan dan fungsi institusi persilatan melayu di semenanjung Malaysia. Universiti Sains Malaysia. Diakses pada November 23, dari

http://eprints.usm.my/6314/1/Perubahan_Peranan_Dan_Fungsi_Institusi.pdf

Supyan Hussin. (2017, Disember 20). Seni silat Melayu satu perlambangan akal budi melayu. Diakses pada November 8, dari

<https://supyanhussin.files.wordpress.com/2017/12/seni-silat-melayu-satu-manifestasi-akal-budi-melayu.pdf>

Universiti Kebangsaan Malaysia. (n.d.). Kepentingan Sejarah Lisan. Diakses pada November 2, dari

<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>

13.0 LAMPIRAN

13.1 Biografi Tokoh



Nama	Ann Rosly bin Hamzah
Nama Samaran	Pok Itam
Tarikh Lahir	18 Jun 1958
Tempat Lahir	Kampung Tanjung, Kuala Terengganu
Alamat	
Emel	-
Facebook	G Lima Ann Rosly
Profesion	Guru Silat

13.2 Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Ann Redya Bin Hamidah K/P: pada
11.12.2020 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Ann Redya Bin Hamidah)
Tarikh: 11.12.2020

(Jafalzan Bin Md. Jali)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

13.3 Senarai Soalan

Soalan Orientasi

A. Latar belakang tokoh

Bolehkah tuan ceritakan sedikit tentang latar belakang tuan?

- 1) Nama penuh
- 2) Nama panggilan
- 3) Umur
- 4) Tarikh lahir
- 5) Tempat lahir
- 6) Tempat tinggal sekarang
- 7) Pekerjaan sekarang

B. Latar belakang ibu bapa tokoh

Bolehkah tuan ceritakan sedikit tentang latar belakang ibu bapa tuan?

- 8) Nama bapa
- 9) Nama ibu
- 10) Masih hidup/meninggal dunia
- 11) Ibu bapa tinggal di mana
- 12) Pekerjaan ibu bapa sekarang
- 13) Berapa lama kerja
- 14) Adakah mereka terlibat dalam dunia seni silat
- 15) Berapa lama penglibatan (kalau terlibat)

C. Latar belakang keluarga tokoh

Bolehkah tuan ceritakan sedikit tentang latar belakang keluarga tuan?

- 16) Nama isteri
- 17) Pekerjaan isteri sekarang
- 18) Umur isteri
- 19) Tokoh mempunyai berapa orang anak
- 20) Anak-anak masih bersekolah atau bekerja
- 21) Anak-anak belajar di mana
- 22) Anak-anak bekerja di mana
- 23) Adakah isteri dan anak-anak turut terlibat dalam seni silat

D. Latar belakang pendidikan tokoh

Bolehkah tuan ceritakan sedikit tentang latar belakang pendidikan tuan?

- 24) Nama sekolah rendah
- 25) Nama sekolah menengah
- 26) Penyambungan belajar selepas SPM/MCE
- 27) Pencapaian di sekolah

E. Pengalaman kerjaya tokoh sepanjang menyertai silat

- 28) Bila mula berminat dengan seni silat?
- 29) Bilakah tuan mula belajar silat?* tahun
- 30) Di manakah tuan mula belajar silat?
- 31) Siapakah rakan seperjuangan tuan?* dalam kelas silat
- 32) Adakah tuan masih ingat dengan siapa tuan berguru?
- 33) Berapa lama tempoh tuan belajar silat?
- 34) Bilakah tuan mendapat gelaran sebagai guru silat?
- 35) Adakah guru silat ini kerja tetap atau kerja sampingan tuan?
- 36) Sekiranya kerja sampingan tuan, apakah kerja tetap yang dilakukan oleh tuan?
- 37) Dimanakah tuan dinobatkan sebagai guru silat?
- 38) Di manakah tuan mengajar silat sekarang?
- 39) Berapakah anak murid tuan?
- 40) Adakah tuan mempunyai tenaga pengajar lain yang membantu tuan?
- 41) Apakah usaha yang tuan lakukan sehingga dapat berada di tahap ini (tahap guru silat)
- 42) Adakah tuan menyertai silat atas kehendak sendiri atau atas kehendak/ permintaan orang lain?*ibu bapa atau keluarga
- 43) Apakah alasan atau sebab tuan untuk terus bergiat dalam seni pertahanan diri ini?
- 44) Semasa tuan menjadi murid silat, berapa lamakah tuan berlatih dalam sehari untuk naik ke peringkat seterusnya?
- 45) Macam mana tuan boleh tertarik untuk menyertai silat sedangkan ada banyak ilmu seni pertahanan diri di luar sana/Malaysia?
- 46) Kenapa tuan lebih memilih mempelajari seni silat buah pukul/lian?
- 47) Apakah pencapaian yang tuan kecapai sepanjang bergiat dalam seni pertahanan diri ini?

- 48) Bolehkah tuan kongsikan kepada siapa tuan akan perturunkan ilmu seni silat yang tuan belajar sekarang?
- 49) Selain mengajar silat, adakah tuan turut mengadakan/menyertai persembahan silat di mana²? *seperti di acara perkahwinan
- 50) Apakah peristiwa yang paling diingati sepanjang pengalaman tuan membuat persembahan silat di khalayak ramai?
- 51) Berapakah tempoh ataupun tahap seseorang pesilat dapat menjadi guru silat?
- 52) Pernahkan tuan mengalami sebarang kecederaan sepanjang menyertai silat?

Soalan Asas

F. Sejarah Perkembangan Silat di Malaysia

- 53) Bolehkah tuan terangkan tentang sejarah wujudnya silat di Malaysia.
- 54) Bolehkan tuan ceritakan tentang sejarah kewujudan seni silat lian buah pukul
- 55) Bilakah seni silat ini mula diperkenalkan di Malaysia?
- 56) Dari negeri manakah seni silat ini mula ditubuhkan?
- 57) Bilakah silat ini mula diperkenalkan di tempat tuan?

G. Jenis-jenis silat di Malaysia.

- 58) Berdasarkan pengetahuan/pengalaman tuan, bolehkah tuan cerita sedikit perbezaan antara jenis-jenis silat di Malaysia?
- 59) Bolehkah tuan terangkan tentang pantang larang yang perlu dijaga sepanjang menyertai seni silat?
- 60) Melalui pembacaan saya dari internet, silat dan pencak silat merupakan kaedah yang berbeza, maka apa pendapat tuan tentang perbezaan silat dan pencak silat?
- 61) Apakah jenis silat yang terkenal di Malaysia pada pandangan tuan?
- 62) Apakah jenis silat yang paling popular di tempat tuan? *[Kemaman]
- 63) Bolehkah tuan terangkan jenis silat yang tuan pelajari dahulu?
- 64) Bolehkah tuan terangkan jenis silat yang tuan ajari sekarang?
- 65) Bolehkah tuan terangkan perbezaan antara dua asas dalam seni silat iaitu buah dengan 'bunga'?
- 66) Silat juga terbahagi kepada dua jenis iaitu silat pulut dan silat pukul, namun apakah perbezaan bagi kedua-dua silat ini?
- 67) Jenis silat apakah yang sering dipersembahkan di khalayak ramai?

H. Pemakaian dan syarat dalam Silat

- 68) Boleh tuan terangkan tentang pemakaian yang dipakai oleh seorang pesilat?
- 69) Apakah tujuan perbezaan setiap warna tali pinggang silat?
- 70) Berapakah masa yang diambil untuk seorang pesilat bertukar ke sesebuah tahap dalam warna tali pinggang?
- 71) Apakah syarat minimum dari segi umur untuk seseorang itu menyertai silat?

Soalan Spesifik

I. Langkah dan pergerakan dalam Silat Lian Buah Pukul.

- 72) Bolehkan tuan terangkan langkah atau pergerakan yang digunakan dalam silat ini?
- 73) Bagaimanakah terciptanya pergerakan-pergerakan tersebut?
- 74) Siapakah yang mencipta pergerakan-pergerakan tersebut?
- 75) Apakah tujuan penciptaan setiap pergerakan tersebut?
- 76) Adakah silat jenis lain juga turut menggunakan pergerakan yang sama?
- 77) Berapa jenis pergerakan yang menggunakan tangan?
- 78) Berapa jenis pergerakan yang menggunakan kaki?
- 79) Pergerakan manakah yang paling senang dipelajari?
- 80) Pergerakan manakah yang paling susah dipelajari?
- 81) Pergerakan manakah yang sering digunakan dalam membela diri dari ancaman?
- 82) Pergerakan manakah yang sering digunakan dalam persembahan?
- 83) Apakah pergerakan yang paling berbahaya dalam seni silat ini?
- 84) Adakah penggunaan senjata turut digunakan dalam seni bela diri silat ini?
- 85) Apakah jenis senjata yang digunakan dalam silat?
- 86) Apakah jenis senjata yang sering digunakan dalam silat ini?
- 87) Adakah silat dapat mengundang maut?
- 88) Adakah setiap peringkat mempelajari buah pergerakan yang berbeza?

J. Tahap-tahap silat

- 89) Berapakah tahap yang ada di dalam silat?
- 90) Bolehkah encik terangkan tentang tahap-tahap yang ada di dalam silat?
- 91) Apakah yang teknik yang akan dipelajari pada tahap pertama?
- 92) Pada peringkat seterusnya, pelajar akan lebih fokus mengenai apa?
- 93) Pada pendapat tuan, tahap manakah yang paling mencabar bagi pelajar silat?

- 94) Apakah tahap minimum yang perlu dicapai oleh seorang pesilat untuk menyertai pertandingan?
- 95) Pada tahap apakah seorang pesilat itu dapat digelar sebagai guru silat?

K. Cabaran yang dihadapi oleh tokoh sepanjang menyertai seni silat.

Apakah cabaran-cabaran yang tuan hadapi sepanjang menyertai seni persilatan?

- 96) Cabaran dalam pembelajaran silat?
- 97) Cabaran dalam pengajaran silat?
- 98) Cabaran dalam membuat persembahan?
- 99) Cabaran dari segi kewangan berkaitan seni bela diri ini?
- 100) Apakah cabaran yang paling mencabar bagi tuan setakat ini?
- 101) Apakah yang tuan lakukan untuk mengatasi cabaran atau masalah tersebut?
- 102) Boleh tuan ceritakan serba sedikit pengalaman pahit selama menyertai dunia persilatan?
- 103) Apa pendapat tuan tentang persepsi sesetengah masyarakat yang mengaitkan seni silat dengan amalan atau unsur khurafat?
- 104) Apakah pendapat tuan tentang seni silat ini mampu membentuk disiplin diri seseorang?
- 105) Apakah pendapat tuan tentang silat melayu kurang mendapat sambutan daripada bangsa lain? *cina dan india
- 106) Apa pendapat tuan tentang seni silat Melayu yang disalahgunakan untuk kepentingan diri sendiri?

L. Harapan tokoh

- 107) Apakah harapan encik tentang silat pada masa hadapan?
- 108) Ada tak agensi yang memberi sokongan/ sumbangan untuk mengekalkan seni warisan silat?
- 109) Ada tak persatuan silat yang sedang aktif sekarang?
- 110) Apa pendapat tuan tentang kepentingan silat terhadap negara?

13.4 Diari Penyelidikan

Berikut adalah diari atau kronologi penyelidikan sepanjang kajian sejarah lisan ini berlangsung dari awal sehingga akhir penyelidikan.

TARIKH	MASA	LOKASI	KATEGORI	TUGASAN
12 Oktober 2020	8:15 am – 10:15 am	Di kediaman masing-masing	Perbincangan	• Pengenalan kepada subjek Sejarah Lisan. • Tema kajian diberikan oleh pensyarah • Setiap pelajar diarah membentuk kumpulan yang terdiri daripada dua orang. Kumpulan antara penyelidik dibentuk. • Perbincangan sesama ahli kumpulan mengenai tajuk kajian dilaksanakan.
15 Oktober 2020	9:50 pm – 11:30 pm	Di kediaman masing-masing	Perbincangan	• Perbincangan antara ahli kumpulan dijalankan melalui aplikasi Whatsapp tentang pemilihan calon tokoh alumni UiTM.

16 Oktober 2020	11:00 am – 3:30 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	• Perbincangan mengenai calon tokoh untuk penyelidikan diteruskan. • Pesanan ringkas kepada tokoh mengenai tujuan penyelidikan dihantar. • Pesanan dibalas dan tokoh yang dipilih menolak tawaran disebabkan masalah kesihatan.
17 Oktober 2020	7:00 pm – 8:30 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	• Perbincangan awal mengenai draf proposal sejarah lisan bersama ahli kumpulan diadakan.
18 Oktober 2020	8:35 pm – 10:25 pm	Di kediaman masing- masing	Pembahagian tugasan	• Pembahagian tugasan mengenai draf proposal sejarah lisan dijalankan.
19 Oktober 2020	8:15 am – 11: am	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	• Pensyarah menghuraikan dan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai proposal.
26 Oktober 2020	8:15 am – 10:15 am	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	• Penukaran tema projek daripada berkenaan Alumni

				UiTM kepada Warisan Budaya di Malaysia. • Perbincangan di kelas atas talian mengenai projek diteruskan mengikuti tema yang baharu.
2 November 2020	8:30 am – 10:30 am	Di kediaman masing-masing	Perbincangan	• Perbincangan mengenai projek sejarah lisan bersama pensyarah dan rakan sekelas dijalankan. • Penetapan Tarikh untuk menghantar proposal. • Permulaan perbincangan sesama ahli kumpulan tentang pemilihan calon tokoh.
3 November 2020	8:00 pm – 9:00 pm	Di kediaman masing-masing	Pembahagian tugas	• Pembahagian tugas draf proposal dijalankan buat kali kedua.
9 November 2020	11:50 am – 12:50	Di kediaman masing-masing	Penghantaran	• Penghantaran draf proposal sejarah lisan.

16 November 2020	8:15 am – 11:15 am	Di kediaman masing-masing	Perbincangan	• Pemeriksaan draf proposal dalam kelas atas talian.
21 November 2020	8:45 pm – 11:00 pm	Di kediaman masing-masing	Perbincangan	• Soalan-soalan temubual untuk penyelidikan disediakan.
22 November 2020	11:00 am – 12 am	Di kediaman masing-masing	Perbincangan	• Perbincangan mengenai pencarian tokoh bersama ahli kumpulan diadakan.
23 November 2020	8:15 am – 10:15 am	Di kediaman masing-masing	Mendapatkan kelulusan	• Perbincangan mengenai proposal dijalankan.
24 November 2020	4:15 pm – 6:30 pm	Di kediaman masing-masing	Penyerahan	• Penyerahan pembetulan proposal sejarah lisan.
9 Disember 2020	4:15 pm – 6:15 pm	Di kediaman masing-masing	Perbincangan	• Perbincangan mengenai kemajuan kajian bersama pensyarah dan rakan sekelas.
11 Disember 2020	12:50 pm – 2:30 pm	Di Kemaman	Preliminari temubual	• Preliminari temubual diadakan di rumah tokoh. • Salah seorang daripada penyelidik menggunakan <i>Google Meet</i> untuk berinteraksi bersama tokoh.

13 Disember 2020	2:00 pm – 4:00 pm	Di Kemaman	Temubual sebenar	• Temubual sebenar dijalankan bersama tokoh seni silat secara bersemuka.
14 Disember 2020	8:15 am – 10:15 am	Di kediaman masing-masing	Tugasan	• Pemberian tugas oleh pensyarah untuk menyiapkan tiga muka surat pertama transkrip oleh setiap orang.
20 November 2020	8:50 pm	Di kediaman masing-masing	Pentranskripsian	• Mula membuat transkrip audio temubual yang mengambil masa hampir dua bulan.
29 Disember 2020	2:15 pm – 4:15 pm	Di kediaman masing-masing	Penyerahan	• Penghantaran draf transkrip kepada pensyarah untuk diperiksa
4 Januari 2021	9:00 am – 10:00 am	Di kediaman masing-masing	Tugasan	• Perbincangan mengenai artikel berkenaan tajuk sejarah lisan. • Setiap kumpulan diarahkan untuk memberi tajuk artikel yang bersesuaian berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.

11 Januari 2021	3.00 pm – 4:00 pm	Di kediaman masing-masing	Mendapat kelulusan	• Penghantaran draft artikel penyelidikan.
15 Januari 2021	4:00 pm – 6:00 pm	Di kediaman masing-masing	Tugasan	• Ditugaskan untuk membuat draf laporan penuh mengenai kajian.
18 Januari 2021	8:15 am - 10:15 am	Di kediaman masing-masing	Mendapat kelulusan	• Menghantar draf laporan penuh sejarah lisan
20 Januari 2021	4:50 pm	Di kediaman masing-masing	Penyerahan	• Menghantar artikel kepada Pensyarah Penyelia.
23 Januari 2021	4:40 pm	Di kediaman masing-masing	Mendapatkan kelulusan	• Artikel kajian sejarah lisan diluluskan oleh Pensyarah Penyelia.
25 Januari 2021	2:00 am	Di kediaman masing-masing	Penyerahan	• Menghantar laporan lengkap sejarah lisan.

13.5 Lampiran Gambar



Gambar 1: Foto Allahyarham Dato' Awang bin Ali S.M.J. (Awang Daik)



Gambar 2: Sijil Pengiktirafan Tokoh sebagai Guru Silat



Gambar 3: Guru Pertama Tokoh, Guru Ayah Cik Mat D.O
(yang juga merupakan bapa saudara tokoh)



Gambar 4: Pengalaman Manis Tokoh (berbaju putih) Membuat Persembahan
Di Hadapan Guru-Guru Silat.



Gambar 5: Gambar Kenangan Penyelidik Bersama Tokoh Seusai Temubual



Gambar 6: Tokoh Bersama Pelajarnya, Mohammad Yusof Yang Membantu Membuat Demostrasi